

قتیقن قیتہ

PETIKAN TITAH

"BETA ingin menekankan di sini, bahawa amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam. Tidak ada maknanya berkhidmat tanpa amanah. Amanah adalah 'tiang seri' keadilan. Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Inilah ajaran ugama kita".
- Titah Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26.



Hujung Minggu

قلبي في

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان
MANISNYA IMAN

"MAKA berpegang teguhlah dengan sunahku dan sunah Khulafa Ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk, berpegang teguhlah kepadanya".
(Riwayat Al-Imam Abi Daud)

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK
4.46

SUBUH
4.56

SYURUK
6.17

DUHA
6.40

ZUHUR
12.27

ASAR
3.46

MAGHRIB
6.35

ISYAK
7.48

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 66 / BILANGAN 94

7 OGOS 2021 / 1442 ذوالحجه 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

ZAHIR TAAT SETIA KEPADA RAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari Bersama Pegawai-pegawai Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman (Lihat muka 3 hingga 5).



Berita Utama



MEMPERKUKUHKAN peranan
institusi pengajian tinggi
ASEAN
Muka 11

Perutusan tahniah kepada Presiden Republik Iran baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Seyed Ebrahim Raisi, berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Islam Iran yang baharu, baru-baru ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Seyed Ebrahim Raisi.



INFO Teknologi
TechBru Solution :
Peneraju kedai runcit dalam talian
Muka 27

STATISTIK COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 6 OGOS 2021, 12.00 tengah hari

339

Jumlah kes jangkitan

3

Jumlah kematian

292

Jumlah kes yang sembuh

STATISTIK VAKSIN COVID-19

143,706
Jumlah penduduk menerima 1 dos

38,079
Jumlah penduduk menerima 2 dos

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri United Kingdom, Tuan Yang Terutama The Rt. Hon. Boris Johnson bersempena dengan pelantikan United Kingdom sebagai Rakan Dialog ASEAN.

Dalam perutusan tersebut, sebagai Pengerusi ASEAN, baginda berharap pelantikan berkenaan akan meningkatkan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom dalam usaha kedua-dua buah negara membina ASEAN-United Kingdom *partnership* yang strategik dan kukuh.

Pada mengakhiri titah perutusan berkenaan, baginda menyampaikan salam sejahtera dan berharap semoga Tuan Yang Terutama akan berada dalam kesihatan dan kebahagiaan yang berpanjangan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri United Kingdom, Tuan Yang Terutama The Rt. Hon. Boris Johnson bersempena dengan pelantikan United Kingdom sebagai Rakan Dialog ASEAN.



Semarakkan Sambutan Awal Tahun Hijrah 9 Ogos

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Majlis Sambutan Awal Tahun 1443 Hijrah Peringkat Negara akan diadakan pada Isnin malam Selasa, 1 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 9 Ogos 2021 Masihi, mulai jam 5.00 petang.

Menurut siaran media yang dikeluarkan pada hari ini, majlis sambutan akan diadakan serentak di masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat seluruh negara dengan penumpuan di Jame' 'Asr

Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dan masjid-masjid utama, iaitu di Masjid Rancangan Perpindahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Antara pengisian majlis itu nanti ialah Bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah, Bacaan Doa Awal Tahun Hijrah dan Tazkirah Hijrah.

Tema Majlis Sambutan Awal Tahun 1443 Hijrah Peringkat Negara ialah 'Belia Berilmu dan Beramal Salih Pemangkin Negara Berkat'.

Sehubungan itu, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, orang ramai juga jemaah adalah diharap dan dialu-alukan untuk bersama-sama hadir ke majlis itu nanti juga dinasihatkan agar mematuhi garis panduan yang berkaitan dalam langkah-langkah membendung penularan wabak COVID-19, protokol-protokol keselamatan dan

Standard Operating Procedure (SOP), seperti mengimbas Kod QR BruHealth, digalakkan berwujud sebelum ke masjid, dikehendaki memakai *face mask* (sungkup muka), dikehendaki membawa dan menggunakan tikar sembahyang sendiri (berukuran besar), memeriksa suhu badan sebelum memasuki masjid, digalakkan mensanitasi tangan, sentiasa melaksanakan penjarakan sosial dan tidak digalakkan untuk bersalam-salaman.

Hanya individu yang mempunyai kod BruHealth, berwarna hijau

dan kuning sahaja yang dibenarkan hadir.

Manakala individu yang mempunyai simptom-simptom, seperti demam panas, batuk, selesema, masalah pernafasan dan sebagainya tidak dibenarkan hadir.

Di samping acara kemuncak itu nanti, pelbagai acara iringan sempena Majlis Sambutan Awal Tahun 1443 Hijrah akan diadakan, antaranya ialah Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam 1443 Hijrah.

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
7	SABTU	27	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
8	AHAD	28	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
9	ISNIN	29	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	SELASA	1 MUHARAM	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.35	7.47
11	RABU	2	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
12	KHAMIS	3	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
13	JUMAAT	4	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.45

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 26 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	32 24 °C	33 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	33 24 °C	33 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

7 OGOS 2021

Lindungi penyusuan susu ibu, tanggungjawab bersama

MINGGU penyusuan susu ibu diperingati mulai pada 1 hingga 7 Ogos setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran akan kepentingan penyusuan susu ibu dari segi kesihatan dan sosioekonomi.

Penyusuan susu ibu adalah cara yang terbaik di dalam memberikan nutrien penting yang diperlukan untuk pertumbuhan dan perkembangan anak damit. Penyusuan susu ibu juga adalah makanan awal yang lebih selamat, bersih dan mengandungi antibodi yang membantu melindungi anak damit daripada pelbagai penyakit. Selain itu, penyusuan susu ibu juga memberikan impak positif kepada kesihatan ibu, seperti perlindungan daripada risiko barah payudara.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyarankan penyusuan susu ibu yang eksklusif kepada anak damit sehingga berumur enam bulan. Walau bagaimanapun, dari perspektif agama Islam menyarankan penyusuan susu ibu sehingga anak mencapai usia dua tahun.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 233 menyatakan : "Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya dan jangan pula seorang bapa itu menderita kerana anaknya".

Apa yang penting adalah dalam meningkatkan komitmen seorang ibu itu untuk memberi penyusuan susu ibu dalam tempoh yang 'sedapat-dapatnya' tanpa menjadikan ia suatu kesukaran dan bebanan kepada ibu yang menyusukan.

Selain itu, dalam mengambil tema minggu penyusuan susu ibu pada tahun ini, iaitu 'Lindungi Penyusuan Susu Ibu : Tanggungjawab Bersama' kita perlu menyedari bahawa sokongan keluarga terutama suami, rakan-rakan dan persekitaran juga amat penting di dalam mendukung komitmen penyusuan susu ibu.

Suami, antara lain berperanan untuk memperkaya ilmu pengetahuan mengenai kebaikan dan kepentingan penyusuan susu ibu serta melindungi isteri daripada mitos-mitos dan kesalahfahaman mengenainya.

Keluarga juga perlu memberikan para ibu keselesaan dan rasa sokongan dalam meneruskan penyusuan susu ibu, begitu juga rakan-rakan dan persekitaran perlulah lebih mesra dan memahami keperluan ibu-ibu menyusukan.

Kementerian Kesihatan melalui Maternal, Infant and Young Child Nutrition (MIYCN) Taskforce bergiat aktif dalam memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan penyusuan susu ibu termasuk dengan mengadakan beberapa program kemasyarakatan dan juga Kelas Persediaan Kelahiran secara percuma, yang menyelitkan mengenai pengetahuan serta kepentingan tentang penyusuan susu ibu, di samping didukung oleh kelas-kelas persendirian yang diungkuhkan oleh pihak persendirian yang bertauliah seperti Milking at Ease - Brunei Lactation Counselor, yang seharusnya dihadiri dalam usaha kita memastikan penyusuan susu ibu sebagai tanggungjawab kita bersama dan bukan hanya dibebani kepada golongan ibu sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Fs)

Zahir taat setia kepada raja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari Bersama Pegawai-pegawai Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (kiri dan atas).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana
Haji Othman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Rabu, 4 Ogos. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) tetap terus berusaha menggariskan komitmennya yang berterusan sebagai tonggak pertahanan dan keselamatan negara dengan memastikan persekitaran yang aman dan damai melalui pertahanan secara holistik serta

sekuriti yang jitu.

Dengan merafakkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, para pegawai Veteran ABDB tengah hari tadi menganjurkan Majlis Santap Tengah Hari Bersama Pegawai-pegawai Veteran ABDB.

Majlis adalah bersempena meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 Tahun, bertempat di Royal Berkshire Hall,

Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Berangkat ke majlis tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit

bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud; dan Mejar Jeneral (B) Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Pesambah Khas (kiri). Manakala gambar atas, baginda berkenan memotong Kek Hari Keputeraan baginda. Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar Majlis Santap Tengah Hari Bersama Pegawai-pegawai Veteran ABDB.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Santap Tengah Hari Bersama Pegawai-pegawai Veteran ABDB.

>> Muka 3

Sejurus tiba, Kebawah DYMM dijunjung untuk bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Majlis, yang kemudiannya disusuli dengan penandatanganan

Lembaran Kenangan dan berkenan berangkat masuk ke Dewan Royal Berkshire bagi Majlis Pemotongan Kek Hari Keputeraan baginda.

Baginda juga berkenan menerima Pesambah Khas

berupa replika 'Serombong Lampung Minyak Tanah' yang diperbuat daripada kristal dan dihiasi dengan lilitan perak bersadur berwarna emas dan bertatahkan batu permata Lapis Lazuli.

Pesambah Khas ini mencerminkan sebuah institusi kesultanan / beraja Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berfungsi sebagai pelindung kegemilangan dan kemakmuran negara daripada apa juga bentuk ancaman yang ingin mengganggu-gugat ketenteraman dan kemakmuran negara.

Di samping itu, ia juga melambangkan institusi kesultanan / beraja yang wujud sejak beberapa kurun yang lalu akan terus wujud dan berfungsi sebagai ketua negara dan kerajaan sebagaimana yang termaktub dalam titah Pemasyhuran Kemerdekaan NBD pada 1 Januari 1984 yang

mengisytiharkan bahawa NBD adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Sepertimana juga institusi kesultanan / beraja melindungi kegemilangan dan kemakmuran negara, maka begitulah juga rakyat akan sentiasa melindungi dan mempertahankan institusi kesultanan / beraja NBD dalam menanai dan berpegang teguh kepada falsafah MIB.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan (kiri), sementara gambar tengah, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong dalam sembah alu-aluannya. Manakala gambar kanan, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Haji Othman bin Haji Suhaili.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Haji Othman bin Haji Suhaili. Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit dalam sembah alu-aluannya

menyembahkan, para Pegawai Veteran ABDB melahirkan rasa syukur dan gembira akan perkembangan dan pencapaian ABDB yang menjadi benteng utama kepada pertahanan dan keselamatan negara yang sangat dihormati dan disegani di rantau ini mahupun di mata dunia.

Pencapaian ini sembah Yang Amat Mulia lagi, adalah juga

daripada berkat bimbingan serta kepimpinan bijaksana dan kewibawaan Kebawah DYMM dan terus mendoakan semoga ABDB akan sentiasa beroleh kejayaan dan terus berkembang maju pada masa-masa akan datang.

Selain itu sembah Yang Amat Mulia, majlis santap ini juga antara lain untuk menzahirkan rasa syukur dan penghargaan atas

kebakjian yang dikurniakan serta menzahirkan rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja yang juga Pemerintah Tertinggi ABDB.

Sejurus selesai majlis santap dan sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama pegawai-pegawai bersara ABDB yang berusia 75 tahun ke atas.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.



KEBAWAH DYMM ketika berkenan beramah mesra pada Majlis Santap Tengah Hari Bersama Pegawai-pegawai Veteran ABDB (atas, atas kanan dan kanan). Sementara gambar bawah, persembahan muzik daripada Pancaragam ABDB.



BERANGKAT MENYAKSIKAN KEJOHANAN TERBUKA BADMINTON AEWON 2021

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Terbuka Badminton Aewon 2021 bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, yang berlangsung di Dewan Pusat Belia, di ibu negara.

Berangkat menyertai kejohanan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim. Juga berangkat menyaksikan

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Terbuka Badminton Aewon 2021. Turut berangkat, anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

kejohanan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berserta kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pesuruhjaya



Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran

Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; dan Yang Dipertua Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad serta Ahli-ahli Jawatankuasa kejohanan berkenaan.

Pada perlawanan pusingan suku akhir, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim menentang Md. Mirza Afif Syahmi dalam

Kategori Perseorangan Lelaki (Bawah 14 Tahun).

Kejohanan anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam dengan kerjasama Aewon Brunei itu menerima seramai 244 penyertaan dan disertai seramai 374 orang pemain.

Sebanyak lapan kategori dipertandingkan pada kejohanan kali ini, iaitu Kategori Beregu Lelaki Terbuka 'A'; Beregu Lelaki Terbuka 'B'; Beregu Veteran Lelaki Terbuka; Beregu Campuran Terbuka; Perseorangan Lelaki Terbuka; Beregu Wanita Terbuka; Beregu Lelaki (Bawah 14 Tahun); dan Perseorangan Lelaki (Bawah 14 Tahun).

Kejohanan tersebut turut disokong oleh KKBS dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

SEBAHAGIAN daripada aksi Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim pada kejohanan berkenaan (kiri sekali dan kiri).



BERANGKAT menyertai kejohanan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim (atas). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada Kejohanan Terbuka Badminton Aewon 2021 bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021.

PASTIKAN PERSEDIAAN MAJLIS LANCAR

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

KIARONG, Khamis, 5 Ogos. - Lebih kurang beberapa hari sahaja lagi, masyarakat Islam di seluruh dunia akan menyambut ketibaan Awal Tahun Baharu 1443 Hijrah.

Di Negara Brunei Darussalam, di mana majoriti penduduknya beragama Islam, seperti lazimnya akan menyambut ketibaan awal tahun baharu Hijrah secara besar-besaran bagi mengembangkan dan menyebarkan lagi syiar Islam di negara ini, di samping menyemarakkan sambutan memperingati peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah.

Majlis Sambutan Awal Tahun 1443 Hijrah di negara ini akan berlangsung pada Isnin malam Selasa, iaitu 1 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 9 Ogos 2021 Masihi mulai jam 5.00 petang. Antara pengisian majlis itu nanti ialah Bacaan Doa Akhir Tahun dan Bacaan Doa Awal Tahun serta Tazkirah Hijrah.

Bagi memastikan kelancaran majlis itu nanti, raptai penuh bagi Majlis Sambutan Awal Tahun 1443

YANG Dipertua Adat Istiadat Negara berangkat menyaksikan raptai penuh bagi Majlis Sambutan Awal Tahun 1443 Hijrah Peringkat Negara. Juga hadir semasa raptai, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1443 Hijrah; dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Hijrah Peringkat Negara diadakan hari ini bertempat di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Berangkat bagi sama-sama menyaksikan raptai tersebut, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Juga hadir semasa raptai, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah



Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1443 Hijrah dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir beramai-ramai bagi menyemarakkan lagi Majlis Sambutan Awal Tahun 1443 Hijrah Peringkat Negara pada tarikh, masa dan tempat yang telah dinyatakan sebelum ini.



ANTARA latihan yang dilaksanakan.

44 kes COVID-19 masih jalani rawatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Ogos. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa tidak kes baharu dilaporkan setakat 12.00 tengah hari, hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) masih kekal seramai 339 orang.

Melalui Siaran Akhbar

mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 457 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 198 kes import

dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 44 kes aktif menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan satu kes dilaporkan sembuh, menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh setakat ini seramai 292 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 555 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 23,257 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 744 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 155,541 ujian.

Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status vaksinasi COVID-19, di mana seramai 4,157 menerima suntikan vaksin COVID-19 pada 5 Ogos 2021, manakala seramai 143,706 (31.7 peratus) telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Kemudian, seramai 38,079, iaitu sekitar 8.4 peratus pula telah menerima dua dos suntikan vaksin, manakala seramai 25,437 warga emas telah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19

Pantau tahap kesihatan abiskita setiap masa

Jika abiskita mengalami demam panas, atau tanda-tanda jangkitan seperti batuk atau kesukaran bernafas, sila dapatkan rawatan dengan segera

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi

MENELITI PERKHIDMATAN, PAKEJ TERKINI PENYEDIA PERKHIDMATAN PELANCONGAN



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

TUTONG, Jumaat, 6 Ogos. - Bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai produk, perkhidmatan dan pakej yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan pelancongan pada masa ini untuk dipromosikan, khususnya bagi musim percutian Disember 2021 dan Mac 2022, satu sesi muzakarah diadakan hari ini di antara Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong bersama penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan di Daerah Tutong.

Muzakarah diadakan di Dewan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Turut hadir pada sesi dialog berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin serta beberapa orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Jabatan Daerah Tutong.

Sesi muzakarah tersebut, antara lain bertujuan untuk membincangkan penambahbaikan ke atas produk dan perkhidmatan yang sedia ada; mengenal pasti produk pelancongan baharu dan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada sesi muzakarah yang diadakan bersama penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan di Daerah Tutong (atas kiri), sementara gambar atas, Yang Berhormat pada sesi bergambar ramai.

aktiviti-aktiviti yang boleh diketengahkan untuk dijadikan tarikan pelancong; serta membincangkan penyelesaian terhadap isu-isu yang dihadapi oleh para penyedia perkhidmatan pelancongan.

Seramai 20 penyedia perkhidmatan pelancongan hadir pada sesi muzakarah berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika

menyampaikan ucapan alu-aluan, antara lain menekankan supaya penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan akan lebih peka dan mementingkan kebersihan premis dan keselamatan para pengunjung dari segi fasiliti dan peralatan yang digunakan bagi aktiviti-aktiviti pelancongan.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga hendaklah memastikan kesediaan penyedia-penyedia perkhidmatan untuk

menerima kunjungan daripada orang ramai sebelum mempromosikan apa juga produk atau perkhidmatan pelancongan.

Setelah sesi muzakarah, Yang Berhormat, seterusnya mengadakan lawatan ke Lanes Hotel di Pekan Tutong, Syarikat Minyak Wangi Gaharu Angkasa, di Kampung Tanjong Maya, Bintudoh Green Spring Resort dan Eco Ponies Garden, bertempat di Kampung Lamunin.

15 pelajar cemerlang AIPC-DANA diraikan



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Ogos. - Seramai 15 pelajar, terdiri daripada anak-anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam tahun 2020, terpilih untuk menerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2021 (AIPC-DANA 2021).

Pada Majlis Penyampaian AIPC-DANA 2021, yang berlangsung di Dewan Serba Guna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) itu juga menyaksikan lima pelajar menerima bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level; lima pelajar menerima bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah

Rendah (PSR); dan lima pelajar menerima bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama Darjah 6 (SSSRU).

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para penerima, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Para penerima AIPC-DANA 2021 bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level, Dayang



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA semasa menyampaikan anugerah kepada para penerima (kiri dan kanan).

Nurul Fitri Sofia binti Haji Rosli dari Sekolah Menengah (SM) Pengiran Haji Abu Bakar; Dayangku Siti Raudhatul Jannah binti Pengiran Haji Sulaiman dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS); Dayang Nur Irma Syazwany binti Awang Yusop dari SM Rimba; Awang Muhammad Wafiy Radhiy bin Aminuddin dari MSPSBS; dan Dayang Najihah binti Haji Najdi dari MSPSBS.

Setiap seorang menerima satu sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan pakej kemudahan belajar selama dua tahun, dalam bentuk wang tunai bernilai BND760.

Sementara itu, para penerima AIPC-DANA 2021 bagi Peperiksaan PSR, Dayang Eva lfa Alya binti Abdullah @ Yohana dari

Sekolah Rendah (SR) Sultan Hashim Batu Apoi; Awang Amirul Asyraf bin Abdullah dari SR Bendahara Sakam Bunut; Awang Muhammad Darwisy Raziq Shah bin Abdullah Mohammad Razaiman Shah dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB); Dayang Norfakhria Bazilah binti Bahrin dari SR Rimba II; dan Dayang Noor A'eishah Naqiyah binti Aslillah dari Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Setiap seorang menerima satu sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND400.

Manakala, para penerima AIPC-DANA 2021 bagi

Peperiksaan SSRU Darjah 6, Dayang Aleeya Maisarah binti Haji Roslan dari Sekolah Ugama (SU) Lambak Kanan; Dayang Aliyah Maisarah binti Abdullah dari SU Puser Ulak; Dayang Anis Najwa binti Rafedi dari SU Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Dayang Nursyaziana binti Abdullah dari SU Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; dan Dayang Nawwal Najihah binti Mustapa dari SU Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah.

Setiap seorang menerima satu sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan wang simpanan sebanyak BND500 yang dikreditkan terus ke Akaun DANA masing-masing, di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.

Semasa ditemu bual Pelita Brunei, para penerima rata-rata menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas anugerah yang diberikan kepada mereka.

Dayang Nurul Fitri Sofia semasa ditemu bual menyatakan, bahawa AIPC-DANA merupakan satu inisiatif yang baik dan berkesan untuk menggalakkan para pelajar untuk terus berusaha keras bagi mencapai keputusan yang cemerlang juga secara tidak langsung membantu para pelajar untuk melanjutkan pengajian seterusnya.

Beliau yang menuntut di Pusat Tingkatan Enam Tutong ketika ini, bercita-cita untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan mengekalkan keputusan yang memuaskan, juga akan berusaha untuk mendapatkan biasiswa dan berkhidmat bersama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

15 pelajar cemerlang AIPC-DANA diraikan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (tengah) bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan (tiga, kiri) ketika sesi bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2021 (AIPC-DANA 2021).

>> Muka 8

"Jangan jadikan situasi yang kita alami sebagai alasan dan penghalang untuk berjaya seperti orang lain. Hasil yang cemerlang akan sentiasa dipandang tinggi dan dihargai walau apapun latar belakang kita," tambahnya semasa memberikan kata-kata motivasi kepada anak-anak yatim yang ingin berjaya dalam pelajaran mereka.

Sementara itu, Awang Muhammad Darwisy Raziq Shah, pula bersyukur kerana dipilih sebagai penerima AIPC-DANA kerana dengan anugerah tersebut beliau akan dapat melangkah yang lebih jauh lagi dan mencapai cita-cita di masa akan datang.

Awang Muhammad Darwisy Raziq Shah yang menuntut di SM

Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah pada masa ini, bercita-cita untuk menjadi seorang juruterbang dan berharap untuk membantu keluarganya pada masa hadapan.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar anak-anak yatim yang lain untuk tidak berputus asa dan berasa rendah diri, tetapi mereka harus belajar bersungguh-sungguh bagi membantu keluarga mereka untuk mencapai cita-cita suatu hari nanti.

Sementara itu, Dayang Aleeya Maisarah ketika ditemui menyatakan, AIPC-DANA mampu menguatkan semangat para pelajar untuk mendapatkan markah yang cemerlang dalam peperiksaan.

Beliau berharap untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam setiap peperiksaan yang diduduki

dan menyeru kepada anak-anak yatim yang lain untuk terus berusaha dan tidak berputus asa apabila menghadapi sebarang kesusahan.

AIPC-DANA pada tahun ini merupakan kali ke-14 diadakan dan tujuan utama mengadakan anugerah ini adalah sebagai pendorong kepada anak-anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan juga sebagai penyuntik semangat dan galakan kepada mereka untuk terus berusaha bagi meraih kejayaan dalam bidang pelajaran.

Turut hadir, Setiausaha Tetap

(Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan,



AWANG Muhammad Darwisy Raziq Shah (kiri), Dayang Nurul Fitri Sofia (tengah) dan Dayang Aleeya Maisarah (kanan) ketika ditemu bual.

SMS BRUNEI PRIHATIN BERJAYA KUTIP LEBIH BND240,000



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Ogos. - Sejumlah BND248,340 berjaya dikutip daripada orang ramai melalui projek 'SMS' Brunei Prihatin Bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) Tahun 2020 - 2021, yang diadakan selama enam bulan, iaitu bermula dari 30 November 2020 hingga 31 Mei 2021 lalu.

Sehubungan itu, penerimaan sumbangan hasil kutipan tersebut diadakan pada majlis, yang berlangsung di Dewan Serba Guna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal

Bolkiah (YSHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan penyampaian sumbangan berkenaan, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA, seterusnya menerima sumbangan tersebut, pada hari ini.

Sebahagian daripada jumlah



tersebut, iaitu sebanyak BND214,186 berjaya dikutip melalui pelanggan DST dan disampaikan oleh Naib Presiden Jualan dan Pemasaran DST, Dayang Hajah Safrina binti Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman.

Manakala sebahagiannya lagi, iaitu sebanyak BND33,154 berjaya dikutip melalui pelanggan Syarikat Progresif Sdn. Bhd. dan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Sementara itu, sebanyak BND1,000 lagi berjaya dikutip melalui pelanggan Syarikat Imagine Sdn. Bhd., disampaikan oleh Naib Presiden Teknologi

Maklumat Syarikat Imagine Sdn. Bhd., Awang Radziman Rahman.

Selain itu, DANA juga menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat yang keseluruhannya berjumlah sebanyak BND18,241, iaitu pihak DST menyampaikan sumbangan sebanyak BND10,000; Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd. menyampaikan sumbangan sebanyak BND6,000, disampaikan oleh Pengurus Am Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd., Awang Mohamad Al-Fatah bin Haji Seruji; dan Syarikat MK Fashion Apparel & Souvenir menyampaikan sumbangan sebanyak BND2,241, yang merupakan hasil kutipan daripada orang ramai melalui Projek Larian Virtual Amal DANA 2021.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika menerima sumbangan daripada Naib Presiden Jualan dan Pemasaran DST, Dayang Hajah Safrina binti Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman; dan Naib Presiden Teknologi Maklumat Syarikat Imagine Sdn. Bhd., Awang Radziman Rahman (kiri sekali dan kiri).

Tiga buah syarikat telekomunikasi, iaitu Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Syarikat Progresif Sdn. Bhd. dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd. memberi kemudahan perkhidmatan 'SMS' kepada para penyumbang yang membuat sumbangan kepada DANA tanpa caj.

Agensi-agensi lain yang turut terlibat dalam sama-sama menjayakan projek ini ialah Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, yang bertindak sebagai penyalur maklumat kepada orang ramai melalui siaran televisyen dan rangkaian radio, akhbar rasmi kerajaan, iaitu Pelita Brunei dan Khutbah Jumaat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Pegawai-pegawai Kanan kerajaan, Pegawai-pegawai Kanan YSHHB, DST, Syarikat Progresif Sdn. Bhd. dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd.

PANTAU, TELITI KESELAMATAN, KUALITI MAKANAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap pada Majlis Perasmian Sesi Pembarigaan Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan Peraturannya, dan Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggagal 182) (Pindaan) 2020.

Kesihatan dalam ucapannya menambah, bahawa hasil daripada pemantauan yang dilakukan secara berterusan oleh Kementerian Kesihatan, baru-baru ini mengenai penyakit-penyakit berjangkit di negara ini mendapati peningkatan kes muntah dan cirit-birit (gastroenteritis).

Gastroenteritis adalah disebabkan oleh jangkitan, sama ada daripada virus, bakteria atau protozoa di perut dan usus, yang menyebabkan cirit-birit, muntah, sakit perut dan demam.

Ia boleh merebak melalui makanan atau minuman yang tidak dikendalikan dengan betul, seperti penyimpanan pada suhu yang sesuai untuk bakteria membiak (di antara 4 darjah celsius ke 60 darjah celsius) atau penggunaan bahan mentah yang telah dicemari oleh kuman penyebab gastroenteritis, seperti Salmonella, Escherichia coli, Campylobacter dan yang seumpamanya.

"Oleh dengan itu, adalah perlu untuk kita mengambil perhatian dan iktibar daripada kejadian seperti ini dan berusaha untuk meningkatkan keselamatan makanan, termasuklah mengenai

tatacara pengendalian daging segar yang betul dari selepas penyembelihan sehingga ke premis jualan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan Peraturannya, dan juga Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggagal 182), (Pindaan) 2020 dan Peraturannya".

Tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, bagi mencegah sebarang pencemaran, seperti kuman penyebab keracunan makanan, kita perlu bersikap peka dan proaktif, terutamanya bagi pihak-pihak yang terlibat di setiap peringkat rangkaian pembekalan (*supply chain*) daging segar, iaitu dari aktiviti di pusat penyembelihan hingga kepada pengendalian, penyimpanan, pengangkutan, pengedaran dan penjualan ke pasar-pasar raya, pasar daging dan sebagainya.

Di samping itu, tegas Yang Berhormat lagi, masyarakat kita juga perlu mengambil tahu dan sedar akan faktor-faktor yang boleh menjejaskan ketahanan daging segar, di mana merujuk kepada United States Department of Agriculture (USDA), daging segar hendaklah disimpan pada 4 darjah celsius ke bawah. Manakala, daging segar yang berada lebih dari dua jam pada suhu bilik biasa, iaitu 25 ke 30 darjah celsius, adalah berisiko untuk menyebabkan penyakit bawaan makanan - gastroenteritis.

Dalam hubungan ini tambah Yang Berhormat, pihak Brunei

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Darussalam Food Authority (BDFA) mempunyai peranan untuk memastikan daging segar yang dijual di pasaran tempatan adalah selamat untuk dimakan dan bahan mentah yang digunakan oleh premis makanan adalah bersumber dari pusat penyembelihan yang diperiksa dan dipantau mengikut peruntukan dalam Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan Peraturannya, dan Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggagal 182), (Pindaan) 2020 dan Peraturannya.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat turut menyatakan bahawa akta dan peraturan yang akan dikuatkuasakan oleh pihak BDFA, bukanlah bertujuan untuk menyusahkan sektor perusahaan daging segar dan peniaga makanan tempatan.

Malah, ia adalah untuk memupuk rasa tanggungjawab bagi setiap individu yang terlibat dalam rangkaian pembekalan daging segar, di mana penjualan daging segar yang selamat dan berkualiti adalah sangat penting kepada semua peringkat masyarakat dan ke arah matlamat ini, ia memerlukan ilmu juga kefahaman mengenai keselamatan dan kualiti makanan.

Yang Berhormat juga menjelaskan, bahawa Sesi Pembarigaan ini merupakan titik permulaan bagi pelaksanaan akta dan perintah yang akan

dilaksanakan secara berfasa dengan memberikan tempoh pelaksanaan (*grace period*) agar syarikat dan perusahaan daging mentah tempatan dapat membuat persediaan untuk memenuhi keperluan Perintah Daging Segar, 2011 (Pindaan) 2020 dan Peraturannya.

Antara lain, peruntukan yang perlu dipatuhi ialah seperti membubuh tanda atau tag pusat penyembelihan ke atas karkas binatang, memberi label semasa penjualan, seperti tarikh disembelih dan jenis daging, memastikan kesegaran daging dengan mengawal suhu penyimpanan, menjaga kebersihan diri, seperti memakai pakaian pelindung (Personal Protective Equipment - PPE) yang lengkap dan menjaga kebersihan persekitaran, seperti mengawal binatang perosak.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat berharap dengan pembarigaan perintah dan akta ini juga akan dapat meningkatkan lagi kesedaran, terutamanya bagi pihak-pihak berkepentingan di dalam industri makanan di Negara Brunei Darussalam dalam mematuhi segala peraturan-peraturan yang sedia ada dan bagi memastikan keselamatan, kebersihan dan kualiti makanan juga perkhidmatan yang berkaitan makanan (*service providers*) adalah terjamin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Sebanyak 727 kes gastroenteritis dilaporkan, yang kebanyakannya dalam kalangan kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah, berbanding dengan 605 kes yang dilaporkan untuk jangka masa yang sama, pada tahun lepas.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar, menjelaskan mengenai perkara itu, ketika berucap pada Majlis Perasmian Sesi Pembarigaan Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan Peraturannya, dan Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggagal 182) (Pindaan) 2020, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat Menteri

Pastikan keselamatan bahan mentah



KETUA Pegawai Eksekutif BDFA, Puan Wong Wai See ketika berucap pada Majlis Perasmian tersebut.

BDFA dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah BDFA, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan juga para Pemilik dan Pengurus Syarikat Swasta.

Beberapa akta dan peraturan di bawah BDFA digubal dan dipinda bagi memastikan keselamatan juga kualiti makanan di negara ini adalah terjamin.

Antara lain, ia termasuk Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan Peraturannya, dan Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggagal 182), (Pindaan) 2020 dan Peraturannya.

Ketua Pegawai Eksekutif BDFA, Puan Wong Wai See, dalam ucapan alu-aluannya, semasa majlis tersebut, menerangkan BDFA berperanan untuk memastikan daging segar yang dijual di pasaran tempatan adalah mengikut akta dan peraturan yang sedia ada pada masa ini juga pelaksanaan perintah dan peraturan akan dibuat secara berperingkat.

Tambahnya lagi, BDFA telah mula menjalankan aktiviti kawal selia dari Mac tahun ini, di mana pengambilan sampel

daging-daging import dilaksanakan untuk memeriksa keselamatan daging, dari aspek mikrobiologi, sisa-baki ubatan ternakan dan racun pertanian.

"Pengambilan sampel ini akan diteruskan ke pusat penyembelihan dan premis perniagaan bagi memastikan keselamatan bahan mentah," jelas beliau.

Selain itu, ia juga merupakan titik permulaan bagi pelaksanaan akta dan perintah yang akan dilaksanakan secara berfasa, dengan memberikan tempoh pelaksanaan (*grace period*) agar syarikat juga perusahaan daging mentah tempatan dapat membuat persediaan untuk memenuhi keperluan Perintah Daging Segar, 2011 (Pindaan) 2020 dan Peraturannya.

Pelaksanaan adalah mengikut fasa dan keutamaan, berasaskan pada kapasiti pengeluaran pusat penyembelihan, di mana dalam Fasa 1 melibatkan pusat penyembelihan yang mempunyai kapasiti pengeluaran purata sebanyak 5,000 ekor ayam sehari atau purata 30 - 50 ekor lembu, sapi atau kambing sehari juga mempunyai bahagian pasaran (*market share*) yang luas dan akan diberi tempoh selama enam bulan, iaitu hingga 28 Februari 2022.

Fasa 2 pula, pusat penyembelihan yang mempunyai kapasiti pengeluaran kurang daripada purata 5,000 ekor ayam sehari atau kurang daripada purata



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika menyaksikan pameran.

30 hingga 50 ekor lembu, sapi atau kambing sehari dan mempunyai bahagian pasaran (*market share*) yang sederhana, akan diberi tempoh selama sembilan bulan, iaitu hingga 31 Mei 2022.

Manakala dalam Fasa 3, pusat penyembelihan yang berkapasiti kecil dan menyembelih ternakan, seperti burung puyuh dan yang seumpamanya juga akan diberikan tempoh selama 12 bulan, iaitu hingga 31 Ogos 2022.

Setelah tempoh pelaksanaan (*grace period*) berakhir pada setiap fasa tersebut, mana-mana syarikat atau perusahaan yang didapati tidak mematuhi peruntukan di bawah Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan peraturan yang berkaitan, adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan kompaun sebanyak BND1,000, menurut Bab 36, Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan jika gagal membayar denda tersebut, pemilik syarikat boleh dihadapkan ke mahkamah.

Majlis pada hari ini diadakan dalam dua sesi (pagi dan petang) dan dihadiri lebih 120 peserta, terdiri daripada pemilik dan pengurus syarikat rumah penyembelihan, syarikat penyimpanan sejuk beku, pasar raya, kedai runcit juga pasar daging tempatan.

Sesi pembarigaan, antara lain bertujuan untuk menerangkan mengenai akta dan peraturan tersebut kepada orang ramai, khususnya kepada pihak-pihak berkepentingan dalam pengendalian daging segar.

Juga hadir, pegawai-pegawai dari agensi-agensi kerajaan, iaitu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Bahagian Industri, Perusahaan dan Ekosistem, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Majlis Perasmian bagi Sesi Pembarigaan Perintah Daging Segar 2011, (Pindaan) 2020 dan Peraturannya dan Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggagal 182) (Pindaan) 2020, anjuran Brunei Darussalam Food Authority (BDFA), diadakan bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan majlis tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah-pengarah

ASEAN ALU-ALUKAN UK SEBAGAI RAKAN DIALOG ASEAN KE-11

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 5 Ogos. - ASEAN berharap dapat memajukan kerjasama bersama United Kingdom (UK) bagi mencapai aspirasi bersama dalam keamanan, keselamatan, kestabilan dan kemakmuran rantau berkenaan.

UK telah lama menjalin kerjasama dengan negara-negara ASEAN dan menyatakan komitmen bagi mengukuhkan lagi kerjasama berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menjelaskan perkara itu, semasa

mempengerusikan Sesi Conferment of ASEAN Dialogue Partnership Status to the United Kingdom (Perakuan Status Rakan Dialog ASEAN kepada United Kingdom), berlangsung melalui persidangan video, di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Semasa berucap, Yang

Berhormat juga secara rasminya mengalu-alukan UK sebagai Rakan Dialog ASEAN Ke-11.

Menurut Yang Berhormat, mereka percaya bahawa UK akan menyumbang ke arah usaha pembangunan komuniti ASEAN dan sebagai rakan dialog, UK berpotensi bagi mengubah komitmen itu kepada kerjasama yang ketara bersama ASEAN secara keseluruhan dalam bidang keselamatan politik, ekonomi dan komuniti sosio budaya, di samping meneroka bidang serta peluang baharu.

Secara khususnya, jelas Yang Berhormat, kami mengalu-alukan kerjasama UK dengan ASEAN dalam bidang-bidang, seperti keselamatan siber dan membanteras keganasan, di samping menegakkan undang-undang antarabangsa.

Kerjasama ekonomi di antara ASEAN dan UK sangat menggalakkan meliputi pelbagai sektor, termasuk pendidikan, tenaga, infrastruktur dan teknologi, kewangan juga perbankan dan perkhidmatan profesional, jelas Yang Berhormat.

Walaupun perdagangan dan pelaburan dua hala terus meningkat, jelas Yang Berhormat, namun usaha masih perlu diteruskan untuk mencapai tahap pencapaian yang lebih tinggi lagi.

Sementara itu, Setiausaha Hal



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II semasa mempengerusikan Sesi Conferment of ASEAN Dialogue Partnership Status to the United Kingdom

Ehwal Luar, Komanwel dan Pembangunan UK, Dominic Raab berkata negara tersebut komited dalam memberi sokongan pada pembangunan Asia Tenggara termasuk menjalin kerjasama bagi pemulihan ekonomi yang mampan pasca pandemik, perdagangan, iklim dan isu keselamatan serantau.

Sesi itu turut menyaksikan penandatanganan surat perjanjian bagi Conferment of ASEAN Dialogue Partnership Status to the United Kingdom oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.



SESI Conferment of ASEAN Dialogue Partnership Status to the United Kingdom, berlangsung melalui persidangan video, di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Memperkukuhkan peranan institusi pengajian tinggi ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman menghadiri Mesyuarat G20 bagi Menteri-menteri Penyelidikan yang diadakan secara maya hari ini.

G20 merupakan sebuah forum antarabangsa yang menghimpunkan ekonomi utama dunia dan telah bertemu setiap tahun sejak 1999.

Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Pengerusi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) bagi tahun 2021, dijemput sebagai tetamu khas Republik Itali selaku Presiden G20 bagi tahun 2021.

Mesyuarat G20 bagi Menteri-menteri Penyelidikan tahun ini dihadiri oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan wakil-wakil dalam penyelidikan dan pengajian tinggi dari negara-negara ahli G20 yang antara lain adalah seperti Australia, Kanada, Jerman, Jepun, Persekutuan Rusia, Republik Korea Selatan, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Turut hadir, Singapura, Sepanyol dan Belanda selaku tetamu khas untuk Mesyuarat-mesyuarat G20.

Selain itu, pertubuhan serantau dan antarabangsa, seperti Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan Kesatuan Afrika (AU) turut menghadiri mesyuarat tersebut.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengongsikan pada Mesyuarat G20 bagi Menteri-menteri Penyelidikan beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh ASEAN dan Kementerian Pendidikan NBD dalam bidang

YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika menghadiri Mesyuarat G20 bagi Menteri-menteri Penyelidikan yang diadakan secara maya.

penyelidikan dan pengajian tinggi.

Ini termasuklah fokus ASEAN dalam mengukuhkan peranan institusi pengajian tinggi ASEAN melalui kolaborasi pendidikan dan penyelidikan yang fleksibel, inovatif, pelbagai disiplin, rentas sempadan.


Selain itu, ASEAN turut memberikan penekanan terhadap kemahiran Abad Ke-21 dalam usaha ASEAN ke arah transformasi digital.

Yang Berhormat juga menyampaikan mengenai dengan usaha Kementerian Pendidikan NBD dalam melengkapkan graduan ke arah masa hadapan digital selaras juga dengan Pelan Induk Ekonomi Digital negara ini.

Selain itu, program pembelajaran juga dirangka dengan fokus ke teknologi baharu, terutamanya dalam bidang kecerdasan buatan, robotik, data analitik dan data sains di institusi-institusi pengajian tinggi di NBD.

Mesyuarat diakhiri dengan pengesahan Deklarasi Menteri-menteri Penyelidikan G20.

Turut hadir semasa mesyuarat ini, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Ketua Jabatan Pengajian Tinggi, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiiflee serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan NBD.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun
PenggunaBijak



جائزہ فرائلنگ ایکنومی دان سٹاتسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN PERANCANGAN DAN HAL EHWAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Available on the
App Store
GET IT ON
Google play

KHATAM AL-QURAN TANDA KESYUKURAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Majlis Konvokesyen Ke-33, UBD (atas kanan). Manakala gambar atas, bakal graduan perempuan yang diraikan hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUNGKU LINK, Khamis, 5 Ogos. - Seramai 455 bakal graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang beragama Islam menyertai Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Majlis Konvokesyen Ke-33, UBD berlangsung di masjid universiti berkenaan, di sini. Bakal graduan yang menyertai majlis tersebut terdiri daripada 112 graduan lelaki dan 343 graduan perempuan.

Majlis tersebut merupakan majlis

tahunan untuk bakal-bakal graduan UBD yang berjaya dalam Program Bimbingan Khatam Al-Quran pada semester akhir mereka. Program ini diselenggarakan oleh Pegawai-pegawai Ugama Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat.

Majlis yang dianjurkan oleh Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Persatuan Mahasiswa-Mahasiswi Universiti

Brunei Darussalam (PMUBD) ini juga adalah sebagai tanda syukur atas kejayaan mereka mengikuti program tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin



Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; dekan-dekan dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai UBD.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh graduan-graduan, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad beramai-ramai, diselajarkan dengan bacaan Takhtim juga Doa Khatam Al-Quran.

Acara disusuli dengan penyampaian bunga telur dan sijil kepada para pembimbing dan peserta Khatam Al-Quran dengan iringan bacaan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Ahli-ahli kelab Dikir, Nasyid dan Tausyeh

UBD. Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh imam masjid tersebut.

Di samping sebagai tanda kesyukuran atas kejayaan graduan-graduan pada tahun 2021 ini, majlis ini diadakan sebagai wahana UBD untuk melahirkan para mahasiswa yang celik Al-Quran juga bagi merealisasikan hasrat pembentukan 'Generasi Al-Quran' dan Negara Zikir.

Di samping itu, ia juga akan dapat melahirkan mahasiswa-mahasiswa UBD yang berketerampilan dan mendukung usaha universiti mencapai matlamat ke arah kesempurnaan insan.



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah (SBDRM).

KUALA BELAIT, Rabu, 4 Ogos. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah (SBDRM) dengan kerjasama pihak Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan Ahli-ahli Jawatankuasa daripada pihak NDMC.

Program tersebut diadakan selama dua hari, bermula pada 3 hingga 4 Ogos 2021, bertempat di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkliah, Lumut, di sini.

Seramai 33 orang penuntut dan guru mengikuti Program SBDRM tersebut yang terdiri daripada penuntut dari Tahun 9 hingga Tahun 11.

Sepanjang program tersebut dijalankan, para penuntut dan guru berpeluang untuk mengetahui akan

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN ketika sesi bergambar ramai.

fungsi dan peranan NDMC, di samping meningkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan mereka dalam mengenal risiko dan membuat tindakan yang betul dan selamat serta bersiap sedia dalam menghadapi sebarang kejadian bencana.

Selain itu, para penuntut berpeluang mengikuti latihan berkumpulan, seperti aktiviti 'Do's

Bina masyarakat berdaya tahan hadapi bencana

and Don'ts' sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana, Nature Power, Grab Bag, Hazard Visit dan Membentuk Pelan Tindakan Menghadapi Bencana di Sekolah untuk kesiapsiagaan warga sekolah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutupan dan penyampaian sijil tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN, Awang Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Beliau juga turut menyampaikan sijil penyertaan dan penghargaan kepada para penuntut dan fasilitator yang terlibat dalam melaksanakan Program SBDRM pada tahun ini.

NDMC akan sentiasa menjalin hubungan kerjasama bersama agensi-agensi berkepentingan dalam menangani kejadian bencana di negara ini.

Tujuan Program SBDRM dilaksanakan adalah bagi mencapai hasrat ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan dalam menghadapi apa juga cabaran bencana yang berkemungkinan berlaku.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

Dengan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh semasa menyertai Program SBDRM itu, diharapkan akan menjadi panduan bagi mengurangkan impak bencana ke atas kehidupan seharian masyarakat di negara ini termasuk warga sekolah.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin

Haji Abdul Rahman; Pengarah NDMC, Kolonel (B) Muhd. Harrih Rashidi bin Haji Muhd. Jamin; Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkliah, Lumut, Awang Haji Kamal Bahrin bin Haji Jamal; Ketua Kampung Lumut I, Awang Taib bin Haji Salleh; Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Khairon bin Haji Dahlan juga para pegawai dan kakitangan NDMC dan pihak sekolah.

PROGRAM Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah diadakan selama dua hari, bermula pada 3 hingga 4 Ogos 2021.

SERAMAI 33 orang penuntut dan guru mengikuti Program SBDRM tersebut, terdiri daripada penuntut dari Tahun 9 hingga Tahun 11.

NDMC akan sentiasa menjalin hubungan kerjasama bersama agensi-agensi berkepentingan dalam menangani kejadian bencana di negara ini.

TUJUAN Program SBDRM dilaksanakan adalah bagi mencapai hasrat ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan dalam menghadapi apa juga cabaran bencana yang berkemungkinan berlaku.



...Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-75...



BENDERA Besar NBD diturunkan oleh anggota Tentera Laut Diraja Brunei dan kemudiannya diserahkan kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Setelah berkibar megah di ruang angkasa Bandar Seri Begawan sejak 1 Julai 2021, Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini diturunkan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Upacara Penurunan Bendera Besar NBD ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah kediaman rakyat dan penduduk di NBD sempena Sambutan

Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan upacara tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddin,

Daerah Brunei dan Muara



BENDERA Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) diturunkan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusof, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Sejurus selepas itu, Bendera Besar NBD diturunkan oleh anggota Tentera Laut Diraja Brunei dan kemudiannya diserahkan kepada tetamu kehormat majlis.

Manakala Doa Selamat pula dibacakan sebagai penutup

upacara tersebut.

Hadir sama di upacara tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salmin bin Haji Burut selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa

Upacara Pengibaran dan Penurunan Bendera Besar NBD dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 serta pegawai-pegawai kerajaan dan swasta.

Daerah Tutong

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 4 Ogos. - Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan

Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 bagi Daerah Tutong telah sempurna dilaksanakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Upacara tersebut berlangsung di kawasan lapang berhadapan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini. Hadir

selaku tetamu khas ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin. Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan sebelum upacara penurunan dimulakan.

Seramai 13 anggota termasuk seorang ketua pasukan terlibat dalam menurunkan bendera negara, yang kemudiannya diserahkan kepada tetamu kehormat.

Pada tahun ini, bendera negara

mula dikibarkan di seluruh negara sejak 1 Julai yang lalu bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-75.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua jabatan, penghulu dan pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua - ketua kampung serta pegawai-pegawai kanan kerajaan di daerah tersebut.



UPACARA Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam berlangsung di kawasan lapang berhadapan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong (kiri), manakala gambar atas, Pemangku Pegawai Daerah Tutong semasa menerima bendera yang diturunkan.

...Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-75...

Daerah Belait

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Belait
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BELAIT, Rabu, 4 Ogos. - Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 bagi Daerah Belait berlangsung di kawasan Taman Persiaran Cendera Kenangan, Kuala Belait, di sini.

Hadir bagi menyaksikan Upacara Penurunan Bendera tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin. Juga hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi, Ketua-ketua Jabatan dan

PEGAWAI Daerah Belait semasa hadir menyaksikan Upacara Penurunan Bendera tersebut (atas). Manakala gambar atas kiri, Pegawai Daerah Belait menerima bendera yang diturunkan.

Cawangan Daerah Belait; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung serta Ketua-ketua Rumah Panjang, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, wakil-wakil daripada pihak swasta dan persatuan-persatuan.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan, Mohd. Zakaria bin Roseta dan selepas itu pasukan Pengibar Bendera Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bergerak masuk bagi

menurunkan bendera.

Kemudian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan. Selepas menyanyikan lagu kebangsaan, bendera diturunkan oleh Pasukan Penurunan Bendera. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam masjid RPN Kampung Pandan, Haji Nor Azhar bin Harith.

Dengan penurunan bendera ini, orang ramai khususnya penduduk di Daerah Belait hendaklah menurunkan bendera mereka dan melipatnya dengan kemas serta disimpan pada tempat yang bersesuaian.

ACARA diserikan dengan persembahan koir.

Daerah Temburong



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong semasa menerima Bendera Besar NBD yang diturunkan.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

TEMBURONG, Rabu, 4 Ogos. - Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 bagi Daerah Temburong diadakan petang tadi, bertempat di Kawasan Dermaga Pekan Bangar, Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok serta para penghulu mukim dan jemputan-jemputan khas.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Imam Masjid



UPACARA Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 bagi Daerah Temburong diadakan di Kawasan Dermaga Pekan Bangar, Temburong.

Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Awang Sokhrati @ Muhammad Hanafi bin Haji Bahrin, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Acara kemudian diteruskan dengan Upacara Penurunan

Bendera Besar NBD dan seterusnya penyerahan bendera tersebut kepada tetamu kehormat majlis.

Upacara Penurunan Bendera Besar NBD ini menandakan berakhirnya tempoh pengibar bendera di premis-premis kerajaan

dan swasta serta rumah-rumah kediaman rakyat dan penduduk di NBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75.

BELIA BERPOTENSI MEMBENTUK MASA DEPAN NEGARA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad



usia oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam (NBD).

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menjelaskan bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ada pelbagai perkembangan belia yang dicapai.

Menurut Yang Berhormat, dengan pelancaran Dasar Belia Negara dan Strategi pada tahun lepas, ia banyak meningkatkan lagi peranan belia di dalam pelbagai sektor, terutama sekali dalam memberikan buah fikiran dan juga pandangan dari segi dasar.

"Jadi, ini bagi saya adalah sangat penting kerana belia bukan sahaja pemimpin pada masa hadapan, tapi mereka juga berpotensi dan berkecayaan untuk memberi buah fikiran pada masa ini



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

untuk membantu membentuk negara pada masa hadapan," jelas Yang Berhormat.

Pada hari ini, ujar Yang Berhormat, sokongan belia-belia yang hadir untuk bersama-sama Kebawah DYMM dalam menyambut ulang tahun baginda dan sumbangan belia dari segi persembahan-persembahan yang dibuat begitu menyerlah sekali.

"Alhamdulillah juga, setelah beberapa hari berlatih pagi, petang, siang, malam untuk menunjukkan rasa kasih sayang kepada baginda," ujar Yang Berhormat.

Manakala Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad menjelaskan bahawa pencapaian yang dilakukan adalah untuk mempercepatkan usaha-usaha dan hasrat kerajaan dan rakyat seperti penglibatan wanita pada masa ini.

Menurut Yang Berhormat, Dasar Belia Negara pada masa dahulu, ia sebagai pendapat belia harus dinaikkan, tetapi sekarang kita sudah ada dasar hala tuju negara membawa pembangunan belia.

Jelas Yang Berhormat lagi, sebagai Ahli MMN adalah sebagai penghubung di antara hasrat kerajaan dan masyarakat bagi menyampaikan kepada pihak Kerajaan Kebawah DYMM.

"Saranan saya sempena Hari Belia dengan tema 'Belia Siaga Masa Depan' ini dapat dilihat lebih aktif dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian supaya kita akan tercapai produktiviti yang baik," terang Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman menjelaskan, semenjak empat tahun lebih yang dapat dilihat adalah dari segi pencapaian dan perkembangan belia yang dibuat, seperti

perkembangan belia-belia pada masa ini yang begitu rancak yang telah dibuat.

Menurut Yang Berhormat, banyak platform sudah dibuat kerana belia-belia pada masa ini senang berhadapan dan bersua muka dan penglibatan belia-belia masa sekarang cepat berkembang.

"Pada sekarang ini, pihak mereka membuat road ship bagi Youth Powerment kepada sekolah-sekolah menengah setiap daerah dan dapat dilihat perkembangan mereka, iaitu future leader dan dapat dilihat pelajar-pelajar begitu berani bertanya bukan sahaja dari segi pelajaran, tetapi yang penting juga skill kerana kedua-dua ini amat berguna. Alhamdulillah, dengan kepemimpinan Kebawah DYMM yang bijaksana amat disanjung tinggi dan juga kepimpinan para menteri juga amat baik dan semenjak negara dilanda COVID-19, kita dapat melihat semua organisasi bergabung untuk kebaikan negara," kata Yang Berhormat.

Bagi Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

pula, kesedaran dan kepentingan dengan penglibatan ahli majlis mesyuarat bagi lapisan rakyat amat penting untuk memajukan kepentingan Wawasan Negara 2035 dengan melibatkan belia-belia dari segi planning policy dan perlembagaan adalah penting untuk memajukan negara.

"Dari segi aspek program keusahawanan bagi belia-belia memang diperkukuhkan dan dimajukan dengan lanjut lagi. Perkara yang penting adalah peluang yang sudah dibagi belia-belia perlu diambil dan jangan sekali-kali dilepas pandang. Dari segi kepimpinan pula, para pemimpin negara pun menampilkan contoh untuk memajukan kepentingan wawasan masa hadapan NBD," tambah Yang Berhormat.

YSHHB hulur bantuan, pertingkat kesejahteraan rakyat



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB (kiri) menyampaikan tajaan kewangan berjumlah BND5,000 kepada Pertubuhan WARGAMAS Brunei (atas). Sementara gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Ogos. - Bagi mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup juga mempertingkatkan pembangunan sosiobudaya dan sosioekonomi dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

(YSHHB) menyampaikan sumbangan dalam pelbagai bentuk dan tajaan, di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Perdana Menteri.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan tersebut, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan



binti Haji Abd. Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Pada majlis tersebut, sebanyak 500 beg kitar semula disumbangkan kepada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16 untuk digunakan semasa majlis sambutan berkenaan.

Sumbangan diterima oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat selaku Penolong Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Hari Kebangsaan Belia Ke-16.

Sementara itu, YSHHB juga menyampaikan sumbangan, tajaan kewangan berjumlah BND5,000 kepada Pertubuhan WARGAMAS Brunei (WEB) bagi kegunaan pengurusan dan pentadbiran WEB, yang diterima oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don.

Manakala Kumpulan Mahasiswa Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah menerima sumbangan berjumlah BND915, antara lain bertujuan untuk menjalankan projek komuniti, di bawah Program

BHSc Medicine dan sumbangan diterima oleh wakil kumpulan, Dayang Queenie Yap Xiao Xuan.

Pihak YSHHB turut menghulurkan sumbangan bantuan derma berjumlah BND5,000 kepada mangsa kejadian rumah roboh di Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, yang diterima oleh ketua keluarga, Awang Mohd. Soffri bin Haji Md. Jamil.

Sumbangan tersebut dihasrat bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.



Melakukan perubahan dengan hijrah

mereka semata-mata untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 97 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawa mereka oleh malaikat dalam keadaan mereka menganiayai diri mereka sendiri (enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka (malaikat) bertanya dengan berkata : "Bagaimana keadaan kamu dahulu? Mereka menjawab : "Kami dahulu ialah orang yang tertindas di bumi (Mekah dan tidak berdaya untuk membela agama). Malaikat bertanya lagi : "Bukankah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah pada-Nya? Maka orang-orang yang sedemikian itu tempat mereka ialah Neraka Jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali".

Peristiwa hijrah yang penuh dengan perjuangan, pengorbanan dan teladan ini pasti akan sentiasa dalam ingatan dan tidak akan pernah dilupa oleh sekalian umat Islam kerana hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam inilah yang telah menjadi sumber inspirasi perjuangan umat Islam sepanjang zaman.

Oleh yang demikian, walaupun kita tidak bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dalam peristiwa hijrah yang amat bersejarah itu, namun kita masih tetap boleh melakukan perubahan dengan hijrah dalam kehidupan kita sehari-hari. Ini kerana konsep hijrah itu adalah berterusan dan ia tidak akan berakhir sehingga hari kiamat. Daripada Muawiyah Radiallahuanhu ia berkata : Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Hijrah itu tidak akan terhenti sehingga tertutupnya peluang taubat dan peluang taubat itu tidak akan tertutup sehingga matahari terbit dari tempat terbenam". (Hadis Riwayat Imam Abu Daud)

Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa proses hijrah itu tidak akan

berhenti bahkan ia akan sentiasa berlaku dalam hidup kita. Ketahuilah, bahawa maksud hijrah itu bukan saja terbatas pada pengertian berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain akan tetapi hijrah itu adalah erti kata yang luas ialah hijrah hati iaitu dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan, menambah ilmu pengetahuan, memperbanyakkan amal soleh, mengamalkan akhlak Islam, meninggalkan segala perbuatan yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah dan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keimanan, ketakwaan dan ketaatan.

Sebagai umat Islam, hijrah seperti inilah yang mesti kita lakukan dalam setiap masa dan keadaan. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Terdapat beberapa pengajaran dan tarbiah yang boleh dijadikan iktibar dari peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawwarah. Antara pengajaran dan tarbiah itu ialah :

Pertama : Kesabaran dan ketekunan hati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mempertajamkan cita-cita demi untuk menegakkan dakwah, syiar dan agama Islam.

Kedua : Tidak bertolak ansur dalam hal yang berkaitan dengan akidah. Walaupun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah diberikan pelbagai tawaran yang menarik atau ugutan dan penghinaan yang tidak dapat dilupakan bagi menyekat dan memberhentikan kegiatan dakwah Baginda oleh kaum Musyrikin Quraish, namun Baginda tetap dengan pendiriannya dan tidak bertolak ansur dalam perkara yang berkaitan dengan akidah. Ini kerana tidak ada ertinya segala harta benda, kekayaan dan

pangkat kebesaran sekiranya akidah dan syiar agama itu terancam, musnah dan dimusuhi.

Maka bersempena Tahun Baharu 1443 Hijrah yang bakal menjelang ini, marilah kita melakukan hijrah dengan meningkatkan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Memperkasa diri kita selaku Mukmin sejati agar kita tidak mudah tunduk dengan pelbagai ujian dan cabaran yang cuba mempengaruhi kita untuk mengingkari hukum dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Ingatlah, janji Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al-Quran bahawa barang siapa yang bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan mengikuti segala perintah-Nya, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan menyediakan untuknya jalan keluar dari apa jua yang menyusahkannya dan akan mengurniakan rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.

Akhirnya, sama-samalah kita membuat penghijrahan iaitu melakukan perubahan dari satu keadaan yang baik kepada satu keadaan yang lebih baik. Mudah-mudahan dengan demikian kita dapat bekerjasama untuk membangun agama, bangsa dan negara dengan petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin, Amin, Amin Yaa Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya). Dan Dia mengurniakan rezeki dari arah yang tidak terlintas difikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusannya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu". (Surah At-Talaq, ayat 2 - 3)

Program Kebangsaan Vaksinasi COVID-19 : Vaksin AstraZeneca mula digunakan 9 Ogos

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai mengenai perkembangan terkini bagi Program Kebangsaan Vaksinasi bagi COVID-19, di mana setakat 4 Ogos 2021, sebanyak 177,628 dos suntikan vaksin COVID-19 diberikan, termasuk 52,919 dos vaksin AstraZeneca diberikan di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, sejumlah 85,449 individu telah divaksinasi dengan sekurang-kurangnya satu dos vaksin Moderna.

Berdasarkan unjuran penggunaan semasa, dijangkakan bahawa pada Ahad, 8 Ogos 2021, hampir 100,000 individu akan menerima vaksin Moderna.

Oleh itu, bekalan vaksin Moderna yang ada pada masa ini, hanya akan digunakan bagi mereka yang memerlukan vaksin tersebut untuk dos kedua sahaja. Ini bererti semua individu yang telah menerima dos pertama vaksin Moderna akan menerima vaksin yang sama untuk dos kedua mereka.

Sementara itu, bermula pada 9 Ogos 2021, vaksin AstraZeneca akan mula digunakan bagi semua individu yang belum menerima vaksin COVID-19.

Pemberian vaksin AstraZeneca ini akan ditawarkan bagi individu, berumur 50 tahun ke atas.

Walau bagaimanapun, sesiapa yang berusia 18 hingga 49 tahun yang ingin menerima vaksin AstraZeneca boleh mengambil vaksin ini secara sukarela.

Dalam pada itu, sesiapa yang mempunyai perjanjian suntikan vaksin, tetapi tidak berhasrat untuk menerima vaksin AstraZeneca adalah dinasihatkan untuk membatalkan perjanjian suntikan mereka untuk memberikan ruang orang lain untuk menempah slot suntikan.

Dapatan-dapatan dari United Kingdom dan Kanada menunjukkan bahawa vaksin AstraZeneca sangat berkesan dalam mencegah jangkitan (mampu mencegah lebih daripada 90 peratus jangkitan) dan mencegah kesan yang teruk akibat

Varian Delta.

Varian Delta kini merupakan varian utama jangkitan COVID-19 di seluruh dunia. Analisis kejadian berikutan imunisasi (AEFI) di Negara Brunei Darussalam juga menunjukkan bahawa semua vaksin yang digunakan dalam Program Kebangsaan Vaksinasi COVID-19 adalah selamat dan sebahagian besar kesan sampingannya adalah kesan sampingan ringan dan bersifat sementara yang boleh sembuh sepenuhnya setelah beberapa hari.

Dengan penyebaran varian Delta di seluruh dunia, adalah amat mustahak bagi setiap individu yang layak untuk menerima kedua-dua dos vaksin COVID-19.


Laporan terbaharu dari negara lain yang berjaya mengawal jangkitan COVID-19, menunjukkan bahawa varian Delta lebih mudah disebarkan.

Vaksinasi kekal menjadi kaedah utama, paling berkesan juga selamat untuk melindungi diri dan masyarakat dari penyebaran jangkitan COVID-19. Kedua-dua dos vaksin COVID-19 diperlukan

untuk perlindungan sepenuhnya terhadap varian Delta.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkembangan dan

berita terkini, kunjungi www.moh.gov.bn atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Melakukan Perubahan Dengan Hijrah

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 26 Zulhijjah 1442H/ 06 Ogos 2021M

Walaupun kita tidak bersama Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, proses hijrah itu tidak akan berhenti bahkan akan sentiasa berlaku dalam hidup kita

JADI, APA YANG BOLEH KITA BUAT?

Melakukan HIJRAH HATI, iaitu dengan:



Meningkatkan keimanan dan ketaqwaan



Memperbanyakkan amal salih



Melaksanakan segala perintah dan suruhanNya



Menambah ilmu pengetahuan




Mengamalkan akhlak Islam



Meninggalkan segala perbuatan yang ditegah dan dilarang oleh Allah

Peristiwa Hijrah Rasulullah
Sallallahu 'Alaihi Wasallam

Menjadi sumber inspirasi perjuangan umat Islam sepanjang zaman



IMBAU SEJARAH 2 JURUTERBANG TUDB

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Ogos. - Bagi mengimbau sejarah 53 tahun yang lalu, pada 6 Ogos 1968 merupakan detik yang amat bermakna buat Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB) apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Lencana Juruterbang buat julung kalinya kepada dua orang pegawai tempatan, iaitu Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad; dan Leftenan Muda Jocklin bin Kongpaw, setelah kedua-dua juruterbang tempatan itu berjaya dalam semua latihan penerbangan luar dan dalam negara.

Upacara ini juga menjadi titik sejarah bagi AMDB kerana berjaya melahirkan dua juruterbang tentera tempatan buat julung kalinya.

Upacara penyampaian pada ketika itu disemarakkan lagi dengan pertunjukan penerbangan lalu di Istana Darul Hana dengan menggunakan pesawat Helikopter Bell 206B Jet Ranger, di mana kedua-dua juruterbang tempatan itu mempamerkan taraf kecekapan dan kemahiran yang sangat tinggi.

Pada 14 Ogos 1967, Platun Helikopter, AMDB mencatat pencapaian yang amat bermakna apabila dua orang pegawai tempatan, iaitu Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad; dan Leftenan Muda Jocklin bin Kongpaw melakar sebuah sejarah apabila mereka dihantar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Lencana Juruterbang buat julung kalinya kepada dua orang pegawai tempatan, iaitu Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad; dan Leftenan Muda Jocklin bin Kongpaw, setelah kedua-dua juruterbang tempatan itu berjaya dalam semua latihan penerbangan luar dan dalam negara (kiri dan kanan).

untuk menjalani Latihan Asas Penerbangan, di British Executive Air Services Limited, Kidlington, Oxford, United Kingdom.

Sebelum menghadiri latihan di United Kingdom, kedua-dua pegawai tersebut juga menjalani latihan penerbangan di Sabah, Malaysia untuk mendapatkan lesen juruterbang. Sejurus menamatkan latihan asas, kedua-dua juruterbang mengikuti Latihan Penerbangan Lanjutan selama 90 jam menggunakan pesawat Helikopter Bell 206B Jet Ranger, di bawah bimbingan Pegawai Memerintah Platun Helikopter, AMDB, Mejar Herbert Marshall.

Di sepanjang perkhidmatan kedua-dua pegawai, Leftenan Muda Awangku Abidin bin

Pengiran Ahmad; dan Leftenan Muda Jocklin bin Kongpaw menerbangkan pelbagai jenis pesawat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan memegang beberapa jawatan di sepanjang perkhidmatan mereka.

Pada tahun 1982, Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pengiran Ahmad telah menjadi pegawai tempatan pertama yang dilantik sebagai Pegawai Pemerintah Cawangan Udara, AMDB dan kemudiannya menyerahkan tampuk kepimpinan kepada Leftenan Kolonel Dato Laila Jasa Jocklin bin Kongpaw, pada tahun 1986. Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pengiran Ahmad juga menjadi pegawai TUDB yang pertama dinaikkan pangkat ke



Mejar Jeneral, pada tahun 1997, seterusnya dilantik menjadi Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Beliau dikurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T), yang membawa gelaran Dato Paduka Seri Mejar Jeneral (B) Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad dan berkhidmat selama 34 tahun.

Manakala, Leftenan Kolonel Dato Laila Jasa Jocklin bin Kongpaw menjadi Pengarah Keanggotaan dan Pentadbiran, Kementerian Pertahanan setelah dinaikkan ke pangkat Kolonel, pada tahun 1990 dan dikurniakan

Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J). Beliau berkhidmat di dalam ABDB selama 31 tahun.

Selaku pelopor juruterbang di TUDB, kedua-dua pegawai tempatan tersebut secara tidak langsung menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan TUDB, di mana komitmen dan pengorbanan telus kedua-dua pegawai juruterbang tempatan tersebut telah menjadi salah satu sumber inspirasi juga motivasi kepada setiap anggota ABDB, khususnya TUDB untuk menggalas amanah untuk terus menjalankan tugas dan misi yang diperlukan oleh ABDB juga negara.

Lahirkan pegawai, kakitangan dinamik, kecemerlangan profesionalisme



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Kecemerlangan dalam sesebuah organisasi, termasuklah Kementerian Kesihatan sangat bergantung kepada nilai-nilai murni dalam diri pegawai-pegawai dan kakitangan sendiri.

Mereka merupakan satu aset yang penting dalam melaksanakan apa jua perancangan kementerian dengan sempurna, tepat pada waktunya dengan cemerlang.

Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif menyeru perkara tersebut pada Majlis Kursus Induksi Bagi Pegawai-Pegawai Tempatan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

Yang Baru Berkhidmat, di Kementerian Kesihatan bagi Tahun 2021, yang berlangsung di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, di sini.

Beliau menambah, Kementerian Kesihatan juga menekankan agar warganya mempunyai empat nilai penting, iaitu konsep klien didahulukan, sifat dinamik, kecemerlangan profesionalisme dan bersatu.

Keempat-empat nilai ini dapat mendukung agar setiap pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan ini akan dapat menjadi satu modal insan yang berintegriti dan mempunyai wawasan ke arah kebaikan dan kepentingan negara dan juga pihak kerajaan.

Dr. Haji Zulaidi juga menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan agar terus berusaha dengan gigih bagi membantu pihak kementerian dalam melaksanakan apa jua bentuk program atau inisiatif dalam menyokong dan merealisasikan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019 - 2023.

"Kementerian Kesihatan berharap agar setiap pegawai dan kakitangan akan dapat menanamkan sifat berdisiplin dan komited dalam menjalankan tugas masing-masing bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Saya yakin dengan adanya

semangat bekerja dalam satu pasukan dan didukung oleh ketua-ketua jabatan masing-masing sudah pasti dapat mewujudkan sebuah kementerian yang dinamik dan berwibawa agar dapat memberi perkhidmatan yang efisien, efektif, sistematik, berkualiti dan cemerlang," ujarnya.

Oleh itu, sebagai sebuah organisasi yang memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi orang awam haruslah sentiasa bersedia dan berusaha untuk menambah baik perkhidmatan dan layanan yang sedia ada yang dihulurkan kepada pesakit-pesakit dan orang awam agar sentiasa berkualiti, selamat dan mudah diakses, di samping memberikan keselesaan pesakit khususnya dan orang awam amnya.

Beliau juga berharap agar warga perkhidmatan awam mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi agar dapat berkomunikasi dengan sopan mudah difahami dan efektif dalam apa jua situasi dengan memberikan maklumat yang betul, tepat dan jelas apabila diperlukan oleh masyarakat awam, terutama pesakit-pesakit.

Semasa Kursus Induksi ini ada juga mengongsikan konsep 3S, iaitu Sabar, Sopan dan Senyum semasa berkomunikasi dengan pelanggan. Konsep 3S ini adalah satu cara yang baik dalam

menambah baik cara berkomunikasi. Kebanyakan masalah yang dihadapi daripada perkhidmatan adalah berpunca daripada komunikasi yang kurang memuaskan.

Antara objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan serta pengetahuan asas mengenai, dasar-dasar dan falsafah negara, misi, visi dan matlamat Kementerian Kesihatan, peraturan-peraturan kerja dalam Perkhidmatan Awam dan kemudahan - kemudahan Perkhidmatan Awam.

Di samping itu, Kursus Induksi ini juga diharap akan dapat mewujudkan *teamwork* dalam kalangan pegawai-pegawai dari

pelbagai jabatan dan bahagian, menyerapkan unsur-unsur nilai Islam dalam perubatan dan kesihatan serta memperkenalkan budaya dan etika kerja yang positif.

Seramai 22 pegawai menghadiri kursus bermula hari ini hingga 14 Ogos, terdiri daripada doktor-doktor pergigian dan pegawai-pegawai yang baru berkhidmat di Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pegawai-pegawai yang baru berkhidmat akan membuat lawatan ke fasiliti-fasiliti di bawah kementerian kesihatan termasuk hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di empat daerah.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

PESTA RIA SEMPENA HARI BELIA KEBANGSAAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika mengunjungi petak jualan bagi produk-produk Majlis Perundingan Kampung pada Pesta Ria, diadakan oleh Biro Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal sempena Hari Belia Kebangsaan 2021 (kiri), manakala gambar kanan, petak-petak jualan yang turut serta pada pesta tersebut.

dan sebagainya.

Orang ramai adalah dialu-alukan ke acara berkenaan untuk memeriahkan lagi pesta tersebut sempena Hari Belia Kebangsaan 2021.

Dalam pada itu, 'Belia Siaga Masa Depan' merupakan tema Sambutan Hari Belia 2021.

Dengan penganjuran acara berkenaan yang dikendalikan oleh para belia membuktikan bahawa belia berperanan penting sebagai ejen perubahan siap siaga masa hadapan bagi pembangunan negara, berakarumbikan keinklusi.

ANTARA aktiviti yang turut memeriahkan lagi pesta berkenaan.



Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Majlis Perundingan Kampung Bukit Udal

TUTONG, Jumaat, 6 Ogos. - Sempena Hari Belia Kebangsaan 2021, Biro Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal mengadakan Pesta Ria selama tiga hari bermula hari ini.

Pesta berkenaan diadakan di Kampung Bukit Udal Trek Coba Kinyam, di sini.

Majlis perasmianya diadakan petang tadi oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong dan Mukim Keriam.

Antara pengisian acara yang diadakan, iaitu Pertandingan Sepak Takraw, Pertandingan Kereta Pacuan Kenderaan Empat Roda, Pertandingan Wira Trek Coba Kinyam, aktiviti ATV Ride, aktiviti jualan produk-produk MPK

Brunei Peduli Palestin 2.0 tanda solidariti buat Palestin

BRUNEI PEDULI PALESTIN 2.0

27 - 28 ZULHIJJA 1442H
7 - 8 OGOS 2021
10AM - 9:30PM
ONECITY

ANTARA PENGISIAN DAN AKTIVITI:

- Ceramah & Forum
- 'Palestine Tunnel'
- Persembahan Amal
- Jualan Merchandise
- Face Painting & Khat

@bruneipedulipalestin
Brunei Peduli Palestin
bruneipedulipalestin@gmail.com

Oleh : Haniza Abdul Latif
Infografik : Ihsan Belia Da'ie Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Sebagai tanda solidariti kepada Palestin, Brunei Peduli Palestin 2.0 akan berlangsung selama dua hari, pada 7 dan 8 Ogos 2021, bertempat di OneCity Shopping Centre, Salamangar, bermula 10.00 pagi hingga 9.30 malam.

Acara tersebut dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Program Keagamaan Belia juga dikelolakan bersama oleh Kumpulan Belia Syababul Iman, Belia Muallaf as-Syahadah, Belia Daie, Persatuan WeCare dan Al-Huffaz Management.

Antara pengisian acara berkenaan, Forum Perdana, bertajuk 'Brunei Peduli Palestin', akan disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin; dan Penceramah dari PDI, Awang Khairul Azhar bin

Idris.

Turut diadakan, Sesi Perkongsian, bertajuk 'Learning Bravery from Palestinians', akan dikongsikan oleh Penceramah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin; dan Pegawai Pendidikan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Dayang Hajah Hanisah binti Haji Othman.

Sementara itu, forum bertajuk 'Muhasabah Sejenak - Kita dan Palestin' pula akan disampaikan oleh Penceramah Bertauliah MUIB, Awang Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sobidau dan Penceramah dari PDI, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli.

Selain itu, acara juga diisi dengan Talk Show Belia, bertajuk 'Belia Bangkit Bersama Palestin' dan Persembahan Sketsa dari Kumpulan Sutera Memento, yang akan diadakan pada 8 Ogos 2021.

Maklumat lanjut mengenai Brunei Peduli Palestin 2.0, boleh didapati melalui akaun Instagram atau Facebook [runeipedulipalestin](#).

Jangan merokok ingat bahayanya

Pelita BRUNEI
pelitabrunei
pelitabrunei

SEMBAHYANG TERAS KEUTUHAN SEORANG MUSLIM



FASILITATOR Ra'es KUPU SB semasa Jerayawara Menghalusi Solat Mazhab Syafi'i Bagi Guru-guru Sekolah Rendah, Menengah dan Pusat Tingkatan Enam Seluruh Negara (atas), manakala gambar atas kanan dan bawah, antara yang hadir pada jerayawara berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



GADONG, Rabu, 4 Ogos. - Jerayawara Menghalusi Solat Mazhab Syafi'i Bagi Guru-guru Sekolah Rendah, Menengah dan Pusat Tingkatan Enam Seluruh Negara anjuran Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan diteruskan hari ini di Dewan Tarbiyah, KUPU SB, di sini. Jerayawara ini dikhususkan bagi

Pegawai-pegawai Pelajaran dan Guru-guru yang beragama Islam Pusat Tingkatan Enam, Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di bawah Kementerian Pendidikan seluruh negara yang mengajar dalam pelbagai mata pelajaran.

Antara lain menyatakan kekhusyukan mendirikan sembahyang dapat mencegah keburukan dan kemungkaran serta dalam reda Allah Subhanahu

Wata'ala. Inilah waktunya berdoa dan mengadu pada-Nya kerana Allah itu dekat apabila kita sembahyang.

Fasilitator Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar memfokuskan dalam kepada Rukun F'il'i iaitu cara sembahyang bagi mencegah kemungkaran.

Tambahnya, mendirikan sembahyang dengan khusyuk bukan saja mencegah daripada keburukan dan kemungkaran malahan akan sentiasa dalam reda Allah. Ini kerana sembahyang merupakan waktu untuk kita berdoa dan mengadu kepada-Nya.

Antara cara-cara yang perlu diketahui dalam sembahyang ialah berdiri tegak bagi yang mampu menghadap kiblat dan memberikan sepenuh perhatian kepada ibadat sembahyang dengan ikhlas dan memohon dijauhkan daripada gangguan syaitan.

Perbuatan sunat itu perlu diketahui kaedahnya dan diamalkan seperti perkara sunat diam sebentar, sunat mengangkat dua belah tangan semasa sembahyang, cara-cara berdiri tegak sambil mendakap tangan, takbiratulihram, ruku, sujud, sunat duduk *istirahah*, masa mengangkat jari telunjuk semasa tahiyat dan cara memusingkan kepala selepas selesai tahiyat akhir. Tidak lupa mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu memakai pakaian putih kerana ia suci, bersih dan lebih bagus.

Objektif jerayawara antaranya meningkatkan tahap kefahaman peserta mengenai kewajipan melaksanakan sembahyang fardu lima waktu dengan sempurna serta menghalusi segala rukun dan syarat sembahyang fardu menurut Mazhab Syafi'i dengan mengukuhkan ketakwaan peserta demi menjaga sembahyang fardu lima waktu dan mendirikanannya secara berjemaah bersama keluarga dan masyarakat.

Sembahyang lima waktu merupakan suatu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Kewajipan menunaikan solat ini berkekalan dan tidak gugur daripada diri seorang mukalaf dalam apa jua



keadaan, di mana jua ia berada selama mana ia masih bernafas dan berakal kerana sembahyang merupakan tiang atau asas kepada agama Islam selain merupakan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah di akhirat kelak.

Dalam Hadith Qudsi dari Abu Hurairah bahawa satu saat Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam bersabda Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman maksud nya, "Aku telah memberi Surah Al-Fatihah untuk-Ku dan untuk hamba-Ku menjadi dua bahagian dan Aku akan mengabulkan apa yang hamba-Ku minta, apabila ia membaca Al-Fatihah dengan khusyuk".

MEMPERKENALKAN LAMAN MEDIA SOSIAL BAHARU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

Jangan lupa untuk *like* dan *follow* laman media sosial kami

Pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki, warganegara Viet Nam, Pham Khac Xuan, 36 tahun, pemegang nombor pasport B9219220, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian

Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



WARGANEGARA Viet Nam, Pham Khac Xuan, 36 tahun, pemegang nombor pasport B9219220, yang dilaporkan lari daripada majikan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Kesedaran Kesan Pencemaran Plastik'. Tarikh Tutup : 11 Ogos 2021
2. 'Berbaik Sesama Jiran Tetangga'. Tarikh Tutup : 18 Ogos 2021
3. 'Kelalaian Membawa Padah'. Tarikh Tutup : 25 Ogos 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.





Lihat Senarai Iklan Jawatan Kosong

PSC.BN

+673 7377961

PSC.BN

PSC.BN

query@p.gov.bn



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA [BKBN]
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KENYATAAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
31 / JULAI / KKBS / BKBN / 1.40 / 21 (R)

Tajuk Tawaran :
PERKHIDMATAN MENJAHIT SERTA MENGHANTAR BAJU SERAGAM (SERAGAM CELORENG) PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-11.

Tarikh Tutup :
Khamis,
12 Ogos 2021.




PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Tawaran :
(8) KHEU.PDI(UP)900-002(1)/02.1

Tajuk Tawaran :
MENCETAK TAKWIM TAHUN MASIHI 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
17 Ogos 2021,
jam 2.00 Petang.




JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran :
DCA / AFS / 2021 - 2022 / SH-16

'PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM (WORKING GLOVES) UNTUK PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG,



Tarikh Tutup :
Rabu, 18 Ogos 2021.



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0030 / 2021

Tajuk Sebut Harga :
"SUPPLY AND DELIVERY SHRIMP AND FISH FOOD TO AQUACULTURE RESEARCH AND DEVELOPMENT DIVISION, DEPARTMENT OF FISHERIES"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2021



Tajuk Sebut Harga :
"SUPPLY AND DELIVERY FISH HORMONE AND CONSUMABLES TO AQUACULTURE RESEARCH AND DEVELOPMENT DIVISION, DEPARTMENT OF FISHERIES"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 19 Ogos 2021,
jam 2.00 Petang.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

KANAN, JALAN 77,
KAWASAN BRUNEI II A

DAERAH TUTONG

No. Tawaran :

KHEU / JPI / KANTIN / 50 / 14

Nama Sekolah Ugama :

SEKOLAH UGAMA
PENGIRAN ANAK PUTERI
FADZILAH LUBABUL
BOLKIAH,
KG. KUPANG, TUTONG II

Tarikh Tutup :

Rabu, 16 Muharam 1443H /
25 Ogos 2021M
sebelum
jam 2.00 Petang.




JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran :
JPH / 004 / SH / 2408 / 2021-2022

Tajuk :
MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA AMARAN
KEBERADAAN BUAYA DI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
12 Ogos 2021,
jam 2.00 Petang.




JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA [BAHAGIAN MAKAN TENGAH HARI - SECARA BERHIDANG DAN BERTAPAU] BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / MM / SUAMP
RIPAHS, KATOK - ZON 'B'

Nama Sekolah :
SEKOLAH UGAMA ARAB
MENENGAH PEREMPUAN
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK



HAJAH SALEHA, KATOK

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / MM / SA SHHB,
RIMBA - ZON 'F'

Nama Sekolah :
SEKOLAH ARAB SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH, RIMBA

Tarikh Akhir Menghantar Borang Tawaran :
Selasa, 8 Muharam 1443H /
17 Ogos 2021M,
tidak lewat jam
2.00 Petang.

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

No. Tawaran :

KHEU / JPI / KANTIN - B / 53 / 19

Nama Sekolah Arab :

SEKOLAH ARAB SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH, RIMBA

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

No. Tawaran :

KHEU / JPI / KANTIN / 49 / 13

Nama Sekolah Ugama :

SEKOLAH UGAMA
PERPINDAHAN LAMBAK



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH
BESAR
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI KEDUA DAN TERAKHIR

KES NO. BCY / CP / 612 / 2011

Nama Penghutang - Amizul Azmi bin Kafil (BYIC No.: 00-273290). **Alamat** - No.3-2, Tingkat 3, Blok E, Simpang 166, Jln. Jerudong, Kg. Sengkurong BG3122, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 612 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 8 Julai 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 7 Julai 2021

**HAJAH NORMAZDINA HAJI
MD. MASKUB**

**Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI TERAKHIR

KES NO. BCY / CP / 471 / 2008

Nama Penghutang - Jilan Anak Sabat (BYIC No.: 00-204949). **Alamat** - Room 4, Block B, Barek Polis Simpanan R.U.B, Police Headquarters, Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 471 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 70 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 8 Julai 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 7 Julai 2021

**HAJAH NORMAZDINA HAJI
MD. MASKUB**
Timbalan pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI TERAKHIR

KES NO. BCY / CP / 250 / 2005

Nama Penghutang - Haji Japar

bin Haji Dollah (BYIC No.: 00-048148). **Alamat** - No.C15, Banglo MTSSR, Simpang 125, Jln. Muara, BE2313, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 250 tahun 2005. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 2 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 8 Julai 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 7 Julai 2021

**HAJAH NORMAZDINA HAJI
MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI TERAKHIR

KES NO. BCY / CP / 512 / 2008

Nama Penghuang - Mohd. Asmie bin Mohd. Jamil (BYIC No.: 00-260909). **Alamat** - No.26, Jalan Wasai Limuru Utara, RPN. Kampung Meragang BT2728, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 512 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 8 Julai 2021. **Dimana Kena Bayar** -



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

1. Bilangan Tawaran :
RTB / K / 38 / 21 - 22

Tajuk Tawaran :
PENGGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN PROGRAM
MAJALAH TV, BAHAGIAN

RANCANGAN TV, RTB

2. Bilangan Tawaran :
RTB / K / 39 / 21 - 22

Tajuk Tawaran :
PENGGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN PROGRAM
MAJALAH TV, BAHAGIAN
RANCANGAN TV, RTB

3. Bilangan Tawaran :
RTB / K / 42 / 20 - 21

Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN CUSTOM
DESIGNED COVERALL, SAFETY
BOOTS DAN
SAFETY CAP UNTUK
UNIT BINAAN SET,
JABATAN RADIO TELEVISYEN



BRUNEI

Tarikh Tutup :
Rabu, 18 Ogos 2021,
jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

1. Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 099 / 2021

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT FOR
OPERATION & MAINTENANCE
WORKS FOR AIR
CONDITIONING EQUIPMENT AT
SUAMRIPAH, KG KATOK AND
SEKOLAH ARAB SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH,
KG RIMBA

2. Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 100 / 2021

Tajuk Tawaran :
TO INSTALL NEW METAL
FLOOR PLATFORM OF
MINARET AND OTHER
REPAIRWORKS TO
MASJID KAMPUNG SUNGAI
BESAR

3. Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 105 / 2021

Tajuk Tawaran :
BREAKDOWN, INTERIM
MAINTENANCE AND REPAIR
WORKS OF AIR CONDITIONING
EQUIPMENT FOR MA'HAD
ISLAM TUTONG & SEKOLAH
ARAB BELAIT FOR A PERIOD
OF SIX (6) MONTHS

4. Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 106 / 2021

Tajuk Tawaran :
BREAKDOWN, INTERIM
MAINTENANCE AND REPAIR
WORKS OF AIR CONDITIONING
EQUIPMENT AT BANGUNAN
LAMA JABATAN HAL EHWAL
SYAR'IAH, KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

5. Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 107 / 2021

Tajuk Tawaran :
PROPOSED FOR ALUMINIUM
GLASS PARTITION AT
COUNTER ZAKAT AT PEJABAT
HAL EHWAL UGAMA



TEMBURONG

6. Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 108 / 2021

Tajuk Tawaran :
TO REMOVE THE EXISTING
RECEPTION COUNTER TOP
AT BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA

Tarikh Tutup :
Rabu, 18 Ogos 2021,
jam 2.00 Petang.

Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Bertarikh: 7 Julai 2021

**HAJAH NORMAZDINA HAJI
MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI TERAKHIR

KES NO. BCY / CP / 111 / 2010

Nama Penghutang - Erwan bin Ali (BYIC No.: 00-259982). **Alamat** - No.55D, Simpang 637-84-26-43,

STKRJ Lambak Kiri Berakas, BB1114, Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No.111 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 7 Julai 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 6 Julai 2021

**HAJAH NORMAZDINA HAJI
MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan cetak (*hard copy*) atau salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Persuratan mengenai iklan berkenaan bolehlah dihantar dalam salinan cetak (*hard copy*) dan dialamatkan ke :

**MEJA IKLAN,
SEKSYEN KANDUNGAN KHAS,
BAHAGIAN PELITA BRUNEI,
JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

SALINAN LIUT (SOFT COPY) BOLEH DIHANTAR MELALUI E-MEL KE
iklan.pbeinformation.gov.bn.

FAKSIMILE MENERUSI +673 238 1004

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

UNTUK MEMASTIKAN IKLAN-IKLAN YANG DIHANTAR SUDAH DITERIMA, BOLEHLAH MENGHUBUNGI MENERUSI TALIAN :
+673 238 2891 ATAU +637 238 3400 SAMBUNGAN 217.



**DI DALAM MAHKAMAH
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 346 / 2010

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

JA'AFAR BIN HAJI TIMBANG
(BYIC No. 00-111051)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN
Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
4 Disember 2010 telah **dibatalkan**
pada **24 Jun 2021**.

Nama Penghutang :
JA'AFAR BIN HAJI TIMBANG

Alamat Penghutang :
No.67D, Jati 4, Kampung Bolkiah
B, Skim Perumahan Yayasan
Sultan Haji Hassanal Bolkiah,
Mukim Sungai Kebun, BK1325,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 8 Julai 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI
ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 109 / 2009

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**



**MAKLUMAN PEMBERITAHUAN
TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Tawaran No. :
MINDEF / DFA / RC / 33 (9)
LAUNDRY AND IRONING
SERVICES FOR GURKHA
RESERVE UNIT - FIVE (5)
YEARS CONTRACT

Yuran Tender : BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh 'Information Day' :
9 Ogos 2021

Tarikh Tutup :
Selasa, 24 Ogos 2021,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**NORAINI BINTI HAJI ABD.
RAZAK**
(BYIC No. 00-063326)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN
Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
22 Mei 2014 telah **dibatalkan** pada
17 Jun 2021.

Nama Penghutang :
NORAINI BINTI HAJI ABD.
RAZAK

Alamat Penghutang :
No.2, Jalan Surapit, Kg. Jaya
Bakti, Perpindahan Berakas,
BB3113, Negara Brunei
Darussalam.

Bertarikh : 8 Julai 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI
ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 533 / 2012

BAIDURI BANK BERHAD
(previously filed by HSBC
Limited)
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**JD.2 JAMAN ANAK
MAMBANG**
(BYIC No. 00-067620)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN
Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
4 Mei 2013 telah **dibatalkan** pada
29 Mei 2021.

Nama Penghutang :
JAMAN ANAK MAMBANG

Alamat Penghutang :
No.98, Jalan 82, Perumahan
Awam, Kampung Rimba, Negara
Brunei Darussalam.

Bertarikh : 8 Julai 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI
ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 10 / 2012

STANDARD CHARTERED BANK
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

AWANG KULA BIN APONG
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN
Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
16 Jun 2012 telah **dibatalkan** pada
1 Julai 2021.

Nama Penghutang :
AWANG KULA BIN APONG

Alamat Penghutang :
No.28, Simpang 342-46-5,
STKRJ Kg. Tungku, Gadong
BE2519, Negara Brunei
Darussalam.

Bertarikh : 7 Julai 2021

**NUR ELEANA BINTI DSP HAJI
HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 330 / 2015

BAIDURI FINANCE BERHAD
previously filed by HSBC
Finance (B)
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen
**AHMAD SENUSI BIN HAJI
SALAMAT**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN
Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
13 Ogos 2016 telah **dibatalkan**
pada 12 Jun 2021.

Nama Penghutang :
AHMAD SENUSI BIN HAJI
SALAMAT

Alamat Penghutang :
No.15, Simpang 355-101-6-5-22,
STKRJ Kg. Tungku, Katok 'A',
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 14 Julai 2021

**NUR ELEANA BINTI DSP HAJI
HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 248 / 2007



1. Nama Tawaran :
PEMBEKALAN WIFI EXTENDER
PERPUSTAKAAN DEWAN



**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

1. Bilangan Tawaran :



**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM**

**Kelas : III & IV
Kategori : B01**

BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously filed by HSBC
Finance (B) Berhad)
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen
**HJ. ABD. MUTALIB BIN HJ.
MOMIN**
(BYIC No. 00-057894)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN
Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
6 Jun 2009 telah **dibatalkan** pada
3 Julai 2021.

Nama Penghutang :
HJ. ABD. MUTALIB BIN HJ.
MOMIN

Alamat Penghutang :
No.7, Simpang 32, Jalan A, RPN
Kampung Mentiri, Mukim Mentiri,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 8 Julai 2021

**HJH NORMAZDINA BINTI HAJI
MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 39 / 2013

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman /

**BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN**

Bilangan Tawaran :
15 / DBP / SH / 2021-2022

2. Nama Tawaran :
TAWARAN MENCETAK
KOMPILASI BUKU MINI EDISI
1-8

Bilangan Tawaran :
17 / DBP / SH / 2021-2022

Tarikh Tutup :

JPE / LTK / KOP / 031 / 2021

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF
1200 AMP DISTRIBUTION
FEEDER PILLAR

Yuran Tawaran :
BN50.00
(Tidak Dikembalikan)

2. Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 038 / 2021

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF
3RIT NON EXTENSIBLE
SCADA READY OUTDOOR
RING MAIN UNIT

Yuran Tawaran :

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM018 / 2021

Nama Projek :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN KE
ATAS 12 UNIT, BLOK II
KONDOMINIUM SEJAHTERA,
JALAN PULAI, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM
(FASA 2).

Bil Projek :
2021DBSBM / JPA.01

Yuran Tawaran :
BND100.00 (Tidak
Dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Pemetisyen

1. MATAN ANAK LULOK
(BPIC No.: 30-093360)
**2. MUHD RUZAINI BIN ABD.
JUN** (BYIC No.: 00-108115)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN
Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut pada
13 Ogos 2015 telah **dibatalkan**
pada 3 Julai 2021.

Nama Penghutang :
1. MATAN ANAK LULOK
2. MUHD RUZAINI BIN ABD. JUN

Alamat Penghutang :
Jd1. No265D, Spg.
637-84-26-33, STKRJ Jalan
Berakas BB1114, Brunei
Darussalam. Jd2. Pasukan
Simpanan R.U.D, Kompeni, Ibu
Pejabat Polis Gadong, Negara
Brunei Darussalam.

Bertarikh : 8 Julai 2021

**HJH NORMAZDINA BINTI HAJI
MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar



9 Ogos 2021,
jam 2.00 Petang.



BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 24 Ogos 2021,
jam 2.00 Petang.



Selasa, 24 Ogos 2021,
tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.

JAGA KEBERSIHAN MASJID



PARA Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika membersihkan masjid, iaitu sebagai sebahagian daripada kempen kemasyarakatan dan sempena Sambutan Jubli Intan ABDB (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, dengan Sambutan Jubli Intan Khamis, 5 Ogos. - Bersempena Angkatan Bersenjata Diraja

Siaran Akhbar dan Foto : Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Brunei (ABDB) dan sebagai sebahagian daripada kempen kemasyarakatan, ABDB sedang giat mengendalikan kempen kebersihan sebanyak 60 buah masjid di keempat-empat daerah di negara ini.

Kempen membersihkan masjid ini telah dan sedang dikendalikan, di mana sebanyak 10 masjid akan dibersihkan setiap bulan, bermula Jun 2021 hingga November 2021.

Pada Julai 2021, kempen dikendalikan di Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Masjid Kampung Masin, Masjid Kampung Sungai Teraban, Masjid Kampung Kupang, Masjid Kampung Pintu Malim, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Masjid Kampung Pulaie, Masjid Kampung Sungai Buloh, Masjid Kampung Putat dan Masjid Kampung Batu Apoi.

Kempen membersihkan masjid ini dijalankan oleh Jabatanarah-



Dalami latar belakang JCB

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Seramai 15 Guru mata pelajaran Economics dari sekolah menengah dan maktab kerajaan juga seorang Pegawai Pelajaran Kanan dari Jabatan

Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan membuat Lawatan Sambil Belajar ke JobCentre Brunei (JCB), di Beribi. Lawatan Sambil Belajar ini merupakan satu aktiviti

perkembangan profesional yang dirancang dalam pelan tindakan Subject Based Committee (SBC) Economics Tahun 2021 dan dianjurkan oleh Sekolah Menengah Rimba, Maktab Sultan Omar 'Ali



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

Saifuddin dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Dalam pada itu juga, ia adalah untuk memberikan lebih banyak maklumat kepada para guru mengenai latar belakang JCB dan perkhidmatan untuk membantu meningkatkan pekerjaan juga kebolehpasaran pencari kerja tempatan di pasaran pekerjaan dan bagaimana syarikat swasta dapat menggunakan kemudahannya untuk proses pengambilan pekerja.

Ketibaan rombongan disambut oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Dayang Nur Afifah binti Mursidi.

Semasa lawatan berkenaan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Dayang Siti Nur' Ai'

Syatussolehah binti Haji Mohd. Soffi menyampaikan Taklimat mengenai Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dan Pegawai Kaunseling, Dayang Qairawani binti Yacob memberikan penerangan mengenai perkhidmatan JCB, seterusnya sesi soal jawab.

Pada akhir lawatan tersebut, Setiausaha SBC Economics, James Lim Boon Ghee dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan menyampaikan sijil penghargaan yang disediakan oleh JSS kepada JCB.

Beliau juga menyampaikan sijil penghargaan kepada Dayang Suza Norhayati binti Haji Zainuddin dari Sekolah Menengah Rimba; Dayang Norashalawati binti Md. Saidi dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin; dan Dalina binti Awang Sabli dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna sebagai penganjur lawatan tersebut.

SESI bergambar ramai pada Lawatan Sambil Belajar ke JobCentre Brunei.

Pameran 'Raja Di Hati Rakyat' pukau pengunjung

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 5 Ogos. - Bagi menyemarakkan dan memperingati detik sejarah Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, Pameran 'Raja Di Hati Rakyat', diadakan di Pusat Membeli-Belah KB Sentral, bermula 5 hingga 7 Ogos 2021.

Pameran yang diunkayahkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri ini mempamerkan potret-potret yang merupakan koleksi jurugambar-jurugambar

Jabatan Penerangan dan Persatuan Fotografi Negara Brunei Darussalam, selain yang diperoleh hasil sumbangan daripada orang ramai.

Ia juga memberikan peluang kepada orang ramai dan penduduk Daerah Belait untuk melihat momen-momen keindahan gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama rakyat yang disimpan dalam bentuk bingkai gambar.

Dengan tema khas 'Detik-Detik Keakraban Raja Dengan Rakyatnya', pameran bertujuan untuk menyampaikan detik-detik bersejarah tanda kasih melalui gambar yang terpilih sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-75 dan pada masa yang sama menyerlahkan imej Kebawah DYMM sebagai seorang raja yang pengasih, penyayang dan bersifat pemeduliaan terhadap rakyatnya.

Usaha itu juga merupakan satu pendekatan Whole of Nation dalam meningkatkan imej negara secara keseluruhannya melalui kerjasama di antara Jabatan Penerangan dan Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam.

Dalam temu bual bersama salah seorang pengunjung semasa pameran tersebut, Wilson Chong, 68 tahun, berpendapat pameran yang diusahakan oleh Jabatan Penerangan seumpama itu sangat memberi kesan positif terhadap masyarakat tentang makna cintakan raja dan tanah air.

Beliau juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Penerangan atas pembaharuan yang dilaksanakan.

Pameran tersebut disasarkan kepada pengunjung-pengunjung, kakitangan jabatan-jabatan kerajaan, para pencinta bidang fotografi, penuntut sekolah, persatuan-persatuan dan orang ramai.

Pameran juga diadakan di daerah-daerah lain, seperti di Daerah Brunei dan Muara, di mana telah diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2021 lalu, di Bangunan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), sementara di Daerah Tutong, diadakan di Petani Mall, pada 9 hingga 11 Ogos 2021; dan Daerah Temburong, di Bangunan Utama Kompleks Bumiputera Pekan Bangar, pada 13 hingga 15 Ogos 2021.



WILSON Chong, 68 tahun ketika ditemu bual.

Pameran akan dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula jam 11.00 pagi hingga 9.00 malam.

Jawatankuasa Pameran Fotografi mengeluarkan promo dan iklan di Pelita Brunei dan semua platform media sosial Jabatan Penerangan bagi mana-mana orang-orang perseorangan (*freelance*), yang mempunyai simpanan gambar-gambar Kebawah DYMM bersama rakyat, yang bersesuaian untuk dipamerkan di pameran fotografi berkenaan.



ANTARA yang menyaksikan Pameran 'Raja Di Hati Rakyat', di Pusat Membeli-Belah KB Sentral.

KEMBANGKAN BAKAT, MINAT DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH



PEMANGKU Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh pada Sidang Media tersebut.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Sebanyak 24 buah sekolah menengah kerajaan dan swasta akan menyertai Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ketiga Tahun 2021 anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Radio Televisyen Brunei.

Pertandingan bertemakan 'Sejarah Pengukuh Jati Diri Bangsa' itu dibukakan kepada sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta di seluruh negara bagi penuntut Tahun 7 hingga Tahun 11.

Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh menjelaskan perkara itu pada Sidang Media yang berlangsung di PSB, di ibu negara.

Menurut beliau, pertandingan ini akan dilaksanakan dengan menggunakan bahasa Melayu dan isi kandungan soalan yang diajukan diambil daripada Majalah Pusaka terbitan PSB serta galeri-galeri PSB.

Jelasnya, setiap penyertaan akan diwakili oleh dua orang pelajar sahaja serta seorang peserta simpanan.

Tambahnya lagi, pada peringkat saringan, para peserta dikehendaki untuk menjawab sebanyak 60 soalan secara bertulis.

Bagi peringkat separuh akhir pula ujamnya, hanya lapan peserta sahaja yang akan terpilih untuk mara ke peringkat akhir.

"Pemilihan adalah berdasarkan kepada jumlah markah tertinggi yang diperoleh di peringkat saringan," katanya.

Manakala bagi peringkat akhir yang akan diadakan pada 22 September 2021 terangnya, hanya empat peserta sahaja yang akan dipilih bagi menentukan juara, naib juara, tempat ketiga dan tempat keempat.

Beliau turut memaklumkan bahawa hadiah-hadiah yang akan disampaikan kepada para pemenang pada peringkat akhir kuiz itu nanti.

"Johan pertandingan akan menerima piala rebutan dan wang tunai berjumlah BND500, cenderamata dan sijil penyertaan. Naib johan pula akan menerima wang tunai sebanyak BND400, cenderamata dan sijil penyertaan," katanya lagi.

Sementara itu tambahannya, pemenang tempat ketiga akan menerima wang tunai BND300, cenderamata serta sijil penyertaan, manakala tempat keempat akan menerima wang tunai sebanyak BND100, cenderamata dan sijil penyertaan.

Di samping itu jelasnya, setiap pelajar yang menyertai pertandingan ini di peringkat saringan dan separuh akhir juga akan menerima cenderamata dan sijil penyertaan.

Terangnya, antara objektif Pertandingan Kuiz Sejarah ini diadakan adalah bagi

menggalakkan para pelajar meminati mata pelajaran Sejarah serta mengembangkan bakat dan minat mereka dalam bidang berkenaan.

Selain itu tambahannya, ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan mempelajari sejarah dan hubungannya kepada pembangunan bangsa dan negara, di samping menggalakkan daya saing dalam kalangan pelajar serta menanamkan perasaan cintakan kepada raja, agama, bangsa dan negara.

Menurutnya lagi, ia juga dapat mewujudkan semangat berpasukan (*teamwork*) dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan para pelajar.

Pertandingan ini diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2014 dan seterusnya pada tahun 2018.

Antara sekolah yang akan menyertai pertandingan ini, Sekolah Menengah Perdana Wazir; Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar; Sekolah Menengah Rimba II; Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali; Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong; Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong; Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; St. Andrew's School; St. George's School; Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanalkiah; dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanalkiah.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Sidang Media tersebut.

Ditahan atas kesalahan imigresen

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) akan sentiasa menjalankan operasi, menangkap, menyiasat serta mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyalahi undang-undang mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan.

Bagi mana-mana warganegara asing di negara ini yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan akan

dihadapkan ke mahkamah, dipenjarakan dan diusir ke negara asal dan nama-nama mereka disenaraihitamkan.

Tujuan operasi / pemeriksaan yang dijalankan adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan berdasarkan kepada maklumat dan kerjasama daripada orang ramai berpandukan kepada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama agensi penguat kuasa yang lain; menguatkuasakan Akta

dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan Pasport dan memastikan ia dipatuhi serta dalam usaha mengesan pesalah imigresen; dan bagi menguatkuasakan Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang 2019 dan Perintah Anti Permerdagangan Orang 2019 dan apa juga kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, Bandar Seri Begawan (BSB) menjalankan Operasi Langis JIPK 90/2021 pada hari ini, jam 9.45 pagi, yang menyasarkan dua buah tempat, iaitu kedai makan juga tempat tinggal pekerja asing (*staff house*) di kawasan Mukim Berakas 'B', diketuai oleh Pegawai Imigresen Kanan berserta enam orang anggota.

Semasa pemeriksaan yang dijalankan di kedai makan tersebut, para pegawai JIPK mendapati seorang lelaki dan seorang perempuan warganegara asing sedang melakukan pekerjaan di dalam kedai makan tersebut.

Pekerja perempuan tersebut ditahan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c) Akta Imigresen Penggal 17 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah juga dipercayai melanggar peruntukan Peraturan 15 (2) Peraturan



OPERASI yang dijalankan di kedai makan dan tempat tinggal pekerja asing (*staff house*), di kawasan Mukim Berakas 'B', diketuai oleh Pegawai Imigresen Kanan berserta enam anggota.

Imigresen Penggal 17, iaitu bekerja dengan berlainan majikan.

Manakala lelaki warganegara asing tersebut diarahkan untuk hadir ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK bagi siasatan lanjut.

Satu surat panggilan majikan dikeluarkan kepada pemilik kedai makan tersebut bagi tujuan melapor diri ke bahagian ini untuk siasatan lanjut.

Pemeriksaan kedua yang dilaksanakan adalah di bahagian atas kedai makan tersebut, iaitu tempat tinggal pekerja asing (*staff house*), di mana pihak berkuasa berjaya menemukan seorang lelaki warganegara asing.

Lelaki warganegara asing tersebut ditahan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c) kerana

gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah juga dipercayai melanggar peruntukan Bab 15 (1) Akta Imigresen Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa setelah kebenaran Pas Imigresen mansuh.

Kedua-dua warganegara asing tersebut dibawa ke Ibu Pejabat Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, BSB untuk siasatan lanjut di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi ke Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 dan +673 8753888.



SEORANG lelaki warganegara asing yang berada di tempat tinggal pekerja asing di bahagian atas kedai makan tersebut.

KEMAJUAN DAERAH BELAIT PERLU BERKEMBANG MENGIKUT PEREDARAN SEMASA

■ Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 4 Ogos. - Mengimbas kembali keadaan bangunan-bangunan lama yang terdapat di sekitar Pekan Belait pada awal tahun 1950-an dan 1960-an, Persatuan Sutera Belait mengongsikan hasrat juga impian yang ingin dicapai bersama seluruh penduduk serta masyarakat Daerah Belait untuk dijadikan ristaan sejarah yang akan terus dikenang dalam catatan yang akan dijadikan inspirasi generasi penerus dalam menerajui negara yang kita cintai ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 Tahun, Yang Dipertua Persatuan Sutera Belait, Awang Haji David bin Haji Kassim berharap agar Daerah Belait terus berkembang mengikut peredaran semasa dan segala pandangan, hasrat dan harapan serta impian menjadi kenyataan.

Melihat bangunan pejabat awal Jabatan Kokurikulum Cawangan Daerah Belait yang sebungsi dengan Jabatan Sekolah-Sekolah di bangunan pejabat kerajaan lama berhadapan dengan bangunan sebelah St. James School Kuala Belait juga berdekatan dengan Pejabat Pos Lama Kuala Belait yang kini hanya tinggal menjadi ristaan pembangunan Daerah Belait.

Ketika beliau mengimbas kembali sejarah tapak bangunan itu yang sebelum ini dikenali sebagai 'Los Tanjung' pada zaman kegemilangannya, maka beliau terpanggil memberi cadangan serta usul agar bangunan kerajaan

YANG Dipertua Persatuan Sutera Belait, Awang Haji David bin Haji Kassim semasa ditemu bual.

itu dijadikan sebagai sebuah tempat pusat perniagaan mesra pelanggan yang merangkumi Bangunan Pejabat Awal Jabatan Kokurikulum Cawangan Daerah Belait Aneka Niaga mengambil sukut sama seperti Sumbangsih di Kampung Beribi Gadong, Pasar Pelbagai Barangan Gadong dan Pasar Kianggeh.

Bangunan tersebut perlu diubah suai sedikit, terutama dari segi reka bentuk dan kesesuaian mengikut perkembangan semasa serta dalam masa yang sama mengekalkan kewujudan serta menghidupkan nostalgia Los Tanjung, Pekan Belait.

Pihak-pihak tertentu juga perlu ikut serta berperanan sebagai pemudah cara dalam menyumbang dana untuk sama-sama menaik taraf sosioekonomi dan infrastruktur Daerah Belait sebagai salah satu pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Sejajar dengan titah Kebawah DYMM sempena Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-35 pada tahun

2019, baginda antara lain bertitah menekankan dan ingin melihat supaya usaha-usaha terus dipertingkatkan sehingga para belia benar-benar mampu untuk berganding bahu dengan kerajaan.

Sejajar dengan titah baginda itu, maka hasrat agar bangunan kerajaan yang dititahkan tersebut akan dapat dijadikan sebagai sebuah tempat pusat perniagaan mesra pelanggan yang merangkumi Aneka Niaga yang bakal diterajui oleh semua golongan.

Awang Haji David mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sembah ucapan Selamat Hari Keputeraan Ke-75 Tahun kepada Kebawah DYMM dan merakamkan doa agar Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia baginda dan kekal karar memerintah negara.



2 warga asing ditahan, disiasat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPERASI Sepadu Langis JIPK 92 / 2021 yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kuala Belait di kawasan Lumut, Daerah Belait.

BELAIT, Khamis, 5 Ogos. - Operasi Sepadu Langis JIPK 92 / 2021 yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kuala Belait diadakan sekitar jam 8.50 pagi, hari ini di kawasan Lumut, Daerah Belait dan telah memeriksa dua orang warganegara asing semasa operasi tersebut.

Hasil pemeriksaan tersebut, seorang perempuan warganegara asing ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana didapati telah gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah dan juga merupakan seorang pekerja yang lari daripada majikan.

Manakala seorang perempuan warganegara asing juga ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana didapati melanggar peraturan di bawah Peraturan 15(3) iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam pas kerja yang dibenarkan. Sementara itu, majikan yang terlibat diarahkan hadir ke jabatan.

Oleh yang demikian, Ketua Pegawai Imigresen Kanan, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, menyarankan agar meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan, berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi talian JIPK, +673 8734888 atau +673 8753888 (BSB) dan +673 8984111 (KB).

Detik berharga terlibat dalam Majlis Ramah Mesra



"PERSEMBAHAN nyanyian pada segmen pertama adalah detik paling berharga," ujar Dayang Putri Norizah binti Ilnor Riza.

KUALA BELAIT, Rabu, 4 Ogos. - Kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjadikan negara lebih progresif dalam menuju kecemerlangan yang berterusan, perpaduan yang berpanjangan, kestabilan serta kesejahteraan rakyat dan negara tetap terjamin.



AWANG Muhammad Edy Sham Reduan bin Eddie Rossziman dari Sekolah Rendah Kuala Belait.

■ Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

Perkara tersebut dinyatakan oleh Dayang Putri Norizah binti Ilnor Riza ketika ditemui pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, yang berlangsung di Padang Bandaran, Kuala Belait baru-baru ini.

Beliau yang membuat persembahan nyanyian pada segmen pertama pembukaan berkata, ia adalah detik paling berharga tercipta apabila berpeluang melibatkan diri sama-sama memeriahkan acara seumpama ini.

Sementara itu, Awang Muhammad Edy Sham Reduan bin Eddie Rossziman dari Sekolah Rendah Kuala Belait menzahirkan kegembiraan beliau kerana buat pertama kalinya beliau dapat ikut serta membuat persembahan di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Beliau turut merakamkan doa semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah negara di bawah petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa dikurniakan kebahagiaan bersama kerabat baginda di dunia dan akhirat.

MEMPERKENALKAN LAMAN MEDIA SOSIAL BAHARU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei




pelitabrunei



pelitabrunei

Jangan lupa untuk *like* dan *follow* laman media sosial kami

INFO Teknologi



TechBru Solution : Peneraju kedai runcit dalam talian

Oleh : Pg. Haji Ahmad Fadillah
Akhbar Pg. Haji Sellahuddin
Foto : Ihsan TechBru Solution
Sdn. Bhd.

TECHBRU Solution Sdn. Bhd. ditubuhkan pada tahun 2014 dan diperbadankan pada tahun 2016. Syarikat ini diasaskan oleh anak tempatan iaitu Awang Aizuddin Fakhri, pengusaha belia berkelulusan Sarjana Muda Sains Komputer dari Royal Holloway, University of London dan diuruskan sepenuhnya oleh anak-anak tempatan.

Syarikat ini berusaha untuk memenuhi keperluan pelanggan dalam perkembangan IT yang sesuai dengan pemiagaan mereka, memberikan penampilan yang menarik pada reka bentuk laman web dan aplikasi, kebolehgunaan yang mantap serta menyediakan keperluan interaktiviti yang lebih baik antara pelanggan dan pengguna.

TechBru Solution menyediakan pelbagai perkhidmatan dan penyelesaian IT dan digital seiring dengan meningkatnya keperluan-keperluan yang memerlukan penyelesaian yang menggunakan teknologi canggih dan terkini seperti Artificial Intelligence (AI), pembangunan laman

sesawang dan aplikasi sehinggalah penggunaan kaedah penyimpanan berkapasiti besar seperti *cloud computing*.

Syarikat ini telah memenangi beberapa pertandingan Brunei ICT Awards (BICITA) dan telah mewakili negara di arena antarabangsa seperti Asia Pacific ICT Alliance Awards (APICTA) di Bangladesh pada tahun 2017 dan Guangzhou pada tahun 2018.

Sejak penubuhannya, syarikat ini telah memberikan perkhidmatannya kepada syarikat-syarikat swasta, *government-linked companies* (GLC) dan agensi-agensi kerajaan.

Syarikat ini juga telah mencipta dan membangun beberapa aplikasi mudah alih yang sering digunakan oleh orang ramai seperti *naindah.com* iaitu laman sesawang e-commerce pelbagai produk dan *Kadairuncit.com* iaitu platform pembelian barangan runcit dan pengurusan sumbangan.

Kadairuncit.com

Kadairuncit.com adalah salah satu aplikasi ciptaan TechBru Solution yang popular digunakan pada masa ini dan telah mendatangkan impak yang bermanfaat kepada masyarakat. *Kadairuncit.com*

adalah portal pembelian barangan runcit dalam talian yang membolehkan orang ramai membeli barangan runcit melalui laman sesawang atau menghubungi melalui WhatsApp setelah memilih barangan yang hendak dibeli melalui laman sesawang tersebut.

Aplikasi ini mula dilancarkan pada bulan April 2017 dan diciptakan untuk memberi kemudahan dan penjimatan masa dan tenaga bagi pembeli yang hendak mendapatkan barangan runcit. Penciptaan aplikasi ini diinspirasi oleh pengalaman peribadi pengasasnya, yang mana beliau seringkali mengalami kesulitan ketika hendak mendapatkan sesuatu barang itu. Beliau terpaksa mencari dari satu kedai ke kedai yang lain, terperangkap dalam kesesakan lalu lintas, masa yang terhad dan macam-macam lagi kepayahan. Beliau berharap dengan adanya satu aplikasi di mana orang ramai boleh berbelanja secara dalam talian dengan pilihan barangan yang lebih meluas dan barang tersebut dihantar terus kepada pembeli, ia akan dapat menjimatkan masa dan tenaga pembeli. Dari sinilah beliau mula mencipta dan membangunkan aplikasi *Kadairuncit.com*.

Tatacara pembelian

Tatacara bagi pembelian barangan runcit melalui portal *www.kadairuncit.com* juga adalah mudah. Pembeli hanya perlu melayari portal, lalu memilih barangan yang hendak dibeli, seterusnya memasukkannya ke dalam senarai pembelian, setelah itu, pembeli bolehlah membuat pembayaran barangan tersebut secara dalam talian dan seterusnya menunggu penghantaran barangan tersebut pada hari yang sama. Jika barangan tersebut tidak disenaraikan dalam portal, pembeli bolehlah menghubungi *Kadairuncit.com* untuk mencari dan mendapatkan barang yang dimaksudkan.

Kadairuncit.com adalah antara portal yang pertama menawarkan perkhidmatan *online grocery store* di negara ini. Barangan runcit yang terdapat di dalam laman sesawang ini adalah bervariasi seperti tong gas, beras, rempah ratus hinggalah barangan penjagaan rumah dan penjagaan badan. Seiring dengan perkembangannya dan juga usaha syarikat dalam membantu peniaga kecil dan sederhana, *Kadairuncit.com* juga

menerima vendor-vendor yang berniaga di aplikasi media sosial seperti Facebook dan Instagram secara percuma. Selain itu, *Kadairuncit.com* juga bekerjasama dengan Koperasi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (KOWIRA) yang mana bagi ahli-ahli KOWIRA dan keluarga, mereka bolehlah membuat pembelian secara 'beli dulu, bayar kemudian'.


Memperkenalkan amal jariah secara dalam talian

Techbru Solution Sdn. Bhd. melalui portal *Kadairuncit.com* juga menawarkan peluang untuk bersedekah dengan berbelanja melalui portal tersebut. Syarikat ini telah bekerjasama dengan Society for Community Outreach & Training (SCOT) dalam menyediakan platform melalui *Kadairuncit.com* agar orang ramai boleh menyumbangkan keperluan asasi kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu juga menjadi platform bagi penjualan set makanan dan sungkai yang dihasilkan oleh keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan agar membantu mereka untuk menambah pendapatan. Di samping itu, barang-barang yang telah dibeli juga dapat disumbangkan kepada masjid-masjid pilihan setiap minggu termasuklah pengurusan wakaf barang keperluan masjid.

Hasil dari kerjasama dan komitmen syarikat ini dalam membantu masyarakat yang memerlukan, *Kadairuncit.com* telah menghasilkan impak dengan membantu menyalurkan keperluan asasi kepada 150 keluarga yang kurang berkemampuan sejak tahun 2017 dan telah membantu menghasilkan sebanyak 7,331 jualan pek makanan yang dibuat oleh keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan dan ibu tunggal.

TechBru Solution Sdn. Bhd. telah membuktikan bahawa penggunaan solusi digital juga memberikan impak positif yang begitu besar kepada pengguna, selain daripada mengubah konsep membeli belah secara tradisional kepada yang lebih praktikal dan mudah, syarikat ini melalui *Kadairuncit.com* telah membukakan peluang dan memudahkan orang ramai untuk beramal jariah dan membantu masyarakat yang memerlukan.





Belia pewaris kepimpinan, kecemerlangan negara

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

BELIA adalah generasi harapan bangsa dan negara untuk masa kini dan masa akan datang. Mereka adalah pewaris kepimpinan dan tunjang pembangunan dalam merealisasikan matlamat negara dalam apa jua aspek-aspek penting yang boleh menyumbangkan kepada bangsa dan tanah air.

Belia pada masa kini sangat berpotensi serta mempunyai bakat semula jadi yang mana di era globalisasi ini, tenaga kerja para belia diperlukan oleh kerajaan bagi sama-sama membantu memperkembangkan ekonomi negara. Para belia yang cekap dan kreatif dalam hal pengurusan dan pengusahaan amat membantu dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara. Para belia mengetengahkan bakat dan kekreatifan mereka terbuka luas. Tambahan lagi dengan wujudnya alat telekomunikasi yang semakin canggih, belia seharusnya merebut peluang untuk memahirkan diri mereka dalam bidang teknologi infokomunikasi (ICT).

Negara sememangnya berhasrat tinggi untuk melahirkan belia cemerlang yang mampu untuk membangun serta memajukan negara. Ini kerana belia merupakan pewaris yang bakal memikul tanggungjawab menerajui negara di masa hadapan.

Keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan belia di negara ini telah ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14 pada Sabtu, 3 Ogos 2019.

"Kerajaan beta sangat prihatin, supaya para belia jangan hanya duduk-duduk atau asyik berseronok sahaja, tetapi paculah semangat untuk menjiwai usaha-usaha yang berkebakikan. Sebagai contoh dari keprihatinan ini, kerajaan beta telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia. Jawatankuasa ini khusus sebagai pemudah cara bagi para belia memulakan perniagaan dan perusahaan, sehingga dengan itu, akan memungkinkan mereka benar-benar berdaya saing membina diri dan secara langsung menyumbang kepada pembangunan negara.

"Para belia kita tidak lagi terkurung dalam kekosongan, tetapi telah muncul membawa idea-idea baharu untuk kehidupan. Maka

sehubungan ini, kerajaan beta telah mengambil langkah menyediakan beberapa program keusahawanan untuk direbut oleh mereka".

Selain itu para belia juga digalakkan untuk mengikuti aktiviti sukarelawan. Sukarelawan bermaksud memberikan sumbangan / khidmat secara sukarela secara berterusan untuk masyarakat terutama golongan belia di negara ini dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, kesukanan, pendidikan dan sebagainya.

Semangat kesukarelaan adalah salah satu amalan yang mulia. Ia mengajak orang-orang persendirian, badan-badan pertubuhan dan pergerakan sukarela untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara secara ikhlas. Aktiviti-aktiviti sukarela dapat membina jati diri dan sikap positif individu dan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan negara bangsa yang inklusif dan berdaya maju.

Antara faedah mengikuti aktiviti sukarelawan ialah memupuk sifat daya tahan; menerapkan nilai kemanusiaan; mengembangkan kemahiran baharu; memahami isu masyarakat; memupuk kepimpinan; mempertingkatkan jaringan (*networking*).

Walaupun bagaimanapun, sebelum menyertai aktiviti sukarelawan, pada belia sukarelawan adalah perlu memastikan bahawa agensi pelaksana sah dan berdaftar; projek adalah sah dan mendapat kebenaran; tujuan organisasi selaras dengan nilai dan kepercayaan sukarelawan; tugas dan tanggungjawab jelas dan lengkap; maklumat yang lengkap mengenai program dan aktiviti mudah diperolehi; aktiviti sukarela sesuai dengan bidang yang diminati dan kemahiran dan; memahami risiko aktiviti dan mengikuti peraturan kesihatan dan keselamatan kerja.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2013 bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas :

"Budaya sukarelawan ini sangat elok, kerana ia bukan saja dapat meningkatkan perpaduan dan persefahaman, malah juga boleh mendatangkan pahala".

Sambutan Hari Belia

Negara Brunei Darussalam mengadakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang bertujuan untuk mengetengahkan para belia yang mempunyai bakat dan jasa serta potensi kepada pembangunan negara.

Pada tahun ini sekali lagi kita menyambut

hari yang penuh berprestij tersebut di mana ia diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya dijunjung bagi menyempurnakan Pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Belia Kebangsaan bagi Tahun 2020 dan Tahun 2021 kepada beberapa belia negara yang terpilih.

Menyentuh tentang tema, seperti juga pada tahun sebelumnya, tema pada tahun ini masih dikekalkan iaitu 'Belia Siaga Masa Depan', di mana ia membawa pengertian bahawasanya belia menjadi tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa depan. Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada peranan belia sebagai pemacu kemajuan pembangunan negara pada masa depan.

Kemampuan belia menuju masa depan amat berkait rapat dengan mempersiapkan belia dengan 'acuan' yang berkualiti dan mampu mendepani pelbagai cabaran yang sukar diramalkan dengan cara yang bijak dan berwibawa. Belia masa depan itu adalah belia yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian; tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang.

'Belia Siaga Masa Depan' ialah belia bertaraf dunia sebagai agen perubahan yang siap siaga masa depan bagi pembangunan negara yang berakarumbikan keinklusi.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab secara bersepadu antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara.

Perkara utama untuk menjadi belia cemerlang ialah taat beragama, undang-undang dan adat resam negara. Sebagai penganut agama Islam, setiap perincian yang bakal belia lakukan hendaklah tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam. Islam menyuruh kita supaya mematuhi ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dan menghindari segala larangan-Nya.

Di samping itu juga, belia mestilah patuh kepada undang-undang negara, iaitu menghindari segala bentuk gejala sosial yang bukan sahaja melanggar undang-undang negara malahan bertindak menggelapkan masa depan belia itu sendiri.

Belia juga perlu lebih berilmu serta berpengetahuan agar mereka mampu untuk berdaya saing dengan rakan serantau

mahupun sejagat. Namun begitu, pendidikan hendaklah selaras dengan penghayatan yang kuat terhadap ajaran agama Islam memandangkan dunia hari ini lebih menjurus kepada kebejatan moral.

Belia hari ini juga haruslah bijak. Bijak dari segi menguruskan masanya dengan melakukan kerja-kerja yang bermanfaat. Di samping itu, mereka bijak dalam mengatur hidupnya dengan melakukan perkara-perkara yang menjurus pada kebaikan.

Pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan bagi Tahun 2020 dan 2021 ini, beberapa program turut sama dimuatkan dalam majlis berkenaan, antaranya Pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Belia Kebangsaan bagi Tahun 2020 dan Tahun 2021 dalam empat kategori iaitu Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia, dan Projek Cemerlang Untuk Belia, Pameran Hari Belia dan Konvensyen Belia Brunei.

Apa yang lebih penting jika ingin cemerlang, belia haruslah mampu untuk berdikari sendiri tanpa perlu banyak bergantung kepada orang lain. Pembentukan negara pada masa hadapan tergantung kepada diri belia sendiri untuk mencorak dan mewarnakannya. Belia merupakan golongan yang paling aktif dalam masyarakat dan bilangan mereka adalah hampir separuh daripada jumlah penduduk negara kita.

Belia merupakan asas sebenar atau tulang belakang kepada kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Oleh itu usaha-usaha hendaklah terus ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecakapan mereka. Ini amat perlu memandangkan cabaran masa hadapan yang akan ditempuh oleh para belia adalah lebih hebat dan canggih yang memerlukan satu persiapan atau persediaan diri yang hebat.

Tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan adalah agak sukar bagi belia untuk mengharungi kesulitan kehidupan masa depan apatah lagi hendak memajukan negara. Ini boleh menjejaskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan yang hendak dicapai selaras dengan matlamat menjadikan Brunei Darussalam sebuah negara maju di dalam era Revolusi 4.0 ini.

Negara kita yang menghadapi berbagai-bagai cabaran memerlukan kaum belia yang penuh disiplin kerana dengan belia yang berdisiplinlah akan lahir masyarakat dan bangsa yang berdisiplin. Kita mahu tiba pada saatnya nanti masyarakat dan negara kita akan menjadi lebih maju, matang, progresif, berteknologi tinggi serta dihormati dan disanjung oleh negara-negara lain.

PAMERAN SERLAH KREATIVITI ANAK BRUNEI



PAMERAN daripada Sekolah St. Margaret, Seria.

KUALA BELAIT, Rabu, 4 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pengiran Ratna Wati binti Pengiran Dato Paduka Haji Hamzad, merupakan salah seorang Ahli Persatuan Sutera Belait, yang sangat bergiat aktif dalam dunia perniagaan dan melalui persatuan berkenaan, beliau memperkenalkan Cookies Wawa, Lasagna Wawa dan The Bakol Story, yang dihasilkan dengan begitu teliti.

Ketika ditemu bual Pelita Brunei, beliau melahirkan rasa terharu, gembira dan pilu apabila diberikan kepercayaan untuk melaksanakan tanggungjawab menghasilkan pesambah khusus buat Kebawah DYMM.

Selain berasa bangga dan bersyukur diberikan peluang keemasan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Sutera, Haji David bin Haji Kassim, beliau juga mendapat sokongan juga galakan daripada keluarga dan rakan-rakan juga doa suami beliau yang sentiasa memberikan semangat agar tidak

disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pengiran Ratna Wati binti Pengiran Dato Paduka Haji Hamzad, merupakan salah seorang Ahli Persatuan Sutera Belait, yang sangat bergiat aktif dalam dunia perniagaan dan melalui persatuan berkenaan, beliau memperkenalkan Cookies Wawa, Lasagna Wawa dan The Bakol Story, yang dihasilkan dengan begitu teliti.

Ketika ditemu bual Pelita Brunei, beliau melahirkan rasa terharu, gembira dan pilu apabila diberikan kepercayaan untuk melaksanakan tanggungjawab menghasilkan pesambah khusus buat Kebawah DYMM.

Selain berasa bangga dan bersyukur diberikan peluang keemasan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Sutera, Haji David bin Haji Kassim, beliau juga mendapat sokongan juga galakan daripada keluarga dan rakan-rakan juga doa suami beliau yang sentiasa memberikan semangat agar tidak

■ Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

mudah putus asa.

Prinsip beliau, berusaha dan berdikari tanpa menyusahkan sesiapa, selain jujur juga ikhlas dalam mencari rezeki menjadi pegangan.

Turut mempamerkan kemahiran mereka semasa keberangkatan Kebawah DYMM, Pelajar-pelajar HNTec in Computer Networking Programme dari IBTE Jefri Bolkiah.

Semasa keberangkatan tersebut, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah sebuah Smart Mirror, yang merupakan peranti bertema IoT, di mana tugas harian dan berita harian dikemas kini dan ditunjukkan kepada pengguna melalui cermin.

Cermin Suara diaktifkan juga disambungkan ke rangkaian sehingga data dapat disimpan ke dalam pangkalan data AI dan ia juga berupaya untuk memaparkan ayat-ayat suci Al-Quran setiap

hari.

Alat yang dipamerkan tersebut berfungsi seperti cermin biasa dan dapat memaparkan maklumat, seperti waktu semasa, ramalan cuaca dan lain-lain.

Sekolah St. Margaret, Seria pula mempamerkan video lagu Happy Birthday ke hadapan majlis Kebawah DYMM.

Selain itu, pameran juga mempamerkan mengenai pengajaran menggunakan Interactive TV (KG students) English.

Pameran turut mempamerkan mengenai Pengajaran dan Pembelajaran bagi subjek 'Computer Science (Secondary students) Problems solving and Algorithm'.

Seterusnya, Kebawah DYMM dijunjung oleh Pengetua Sekolah St. Margaret, Liew Yong Kim untuk menandatangani gambar baginda sebagai lembaran kenangan.

Gembira bersua muka bersama raja dikasihi



DAYANG Hajah Jariah binti Haji Duraman meluahkan rasa kegembiraannya kerana dapat bersua muka bersama Kebawah DYMM.

KUALA BELAIT, Rabu, 4 Ogos. - Segenap lapisan rakyat dan penduduk di Daerah Belait sejak awal pagi lagi menanti keberangkatan tiba raja yang dikasihi bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, yang

disambut dengan norma baharu tahun ini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual mereka yang sama-sama hadir bagi memeriahkan Padang Bandaran Kuala Belait, menanti keberangkatan raja yang dikasihi.

Semasa majlis tersebut, Pelita Brunei menemu bual seorang belia yang bertugas sebagai Pengawal Keselamatan melalui Program Khidmat Bakti Negara, Awang Mohd. Farid Asraaf bin Mohd. Masri, 20 tahun dan rakannya

Dayang Nurul Syuhada binti Maaruf, 19 tahun, di mana mereka melahirkan rasa bangga berkhidmat dan berpeluang turut sama pada Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam norma baharu tahun ini.

Sementara itu, salah seorang warga emas yang ditemui pada majlis tersebut, Dayang Hajah Jariah binti Haji Duraman, 65 tahun, juga melahirkan rasa bangga dan gembira kerana setiap tahun dapat menghadirkan diri bersua muka bersama raja yang dikasihi.

Semasa ditanya mengenai



AWANG Mohd. Farid Asraaf bin Mohd. Masri dan rakannya, Dayang Nurul Syuhada binti Maaruf.

peranan warga emas dalam memberi sumbangan pada pembangunan negara, beliau berkata, "Golongan warga emas juga warga yang produktif, sebilangan kami masih relevan dalam memberi sumbangan juga jasa dan itu perlu dihargai".

Kemeriah Majlis Ramah Mesra turut sama dirasakan oleh warga asing yang menetap di negara ini.

Anna Fuenmayor, 41 tahun dan Airut Linares, 46 tahun, berasal dari Venezuela merupakan suri rumah tangga, mengikut suami mereka yang bertugas di sini.

Kedua-duanya melahirkan rasa bertuah kerana dapat berada di negara ini apatah lagi berkesempatan menyaksikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang penuh warna-warni dan keceriaan itu.

Bagi Julia Ibarra, 37 tahun, berasal dari Ecuador dan menetap di negara ini sejak lima tahun lalu, menyatakan rasa teruja kerana dapat tinggal di negara ini dalam keadaan aman dan selesa juga dikelilingi dengan masyarakat yang berbudi bahasa dan ramah, juga ia merupakan pengalaman paling berharga buat beliau.

Teruja, gembira menunggu keberangkatan baginda



DAYANG Nur Hazirah binti Sanif bersama Putri Qyrana Izzara Tengku Mohamad Taufiq, 7 tahun dan Tengku Qashri Avicenna 4 tahun, yang bersekolah di Sekolah PGGMB ketika ditemu bual.

■ Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 4 Ogos. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 membawa seribu makna buat semua peringkat rakyat dan penduduk, termasuk dalam kalangan kanak-kanak di Daerah Belait.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Dayang Nor Shalwaney binti Haji Yusop, ibu kepada Muhammad Aryan Fathullah bin Ariffin dan Muhammad Arash Ardani bin Ariffin, menyatakan anak-anak beliau teruja kerana

berpeluang untuk menyaksikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah itu.

Sementara itu, kegembiraan turut terpancar pada wajah dua orang anak Dayang Nur Hazirah binti Sanif, iaitu Putri Qyrana Izzara Tengku Mohamad Taufiq, 7 tahun dan adiknya, Tengku Qashri Avicenna 4 tahun, yang bersekolah di Sekolah PGGMB.

Kedua-dua beradik tersebut berasa sungguh teruja, gembira dan tidak sabar menunggu keberangkatan Kebawah DYMM dan ingin merakam gambar kenangan bersama baginda.

Menurut mereka lagi, hadir bersama keluarga berkunjung ke majlis kenegaraan seumpama itu adalah detik yang paling ditunggu-tunggu.



DAYANG Nor Shalwaney binti Haji Yusop, ibu kepada Muhammad Aryan Fathullah bin Ariffin dan Muhammad Arash Ardani bin Ariffin ketika ditemu bual.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



RATUSAN BOM TANGAN PERANG DUNIA I DITEMUKAN DI TURKI

DIYARBAKIR (Turki), 6 Ogos. - Sebanyak 782 bom tangan era Perang Dunia I dijumpai ketika kerja-kerja penggalian arkeologi dilakukan di tapak bersejarah di tenggara Turki.

Bom tangan tersebut ditemukan di Amida Mound, atau Amida Hoyuk - juga dikenali sebagai pusat wilayah Diyarbakir - terletak di daerah bersejarah Sur, lapor Agensi Anadolu.

Kawasan itu pernah menjadi pusat peradaban seperti Hurri-Mitanni, Urartian, Assyria,

Medes, Parsi, Tigran, tGreat Kingdom, Romans, Sassanid, Byzantium, Umayyah, Abbasiyah, Safavid, dinasti Ayyubid, Marwan, Seljuk, Uthmaniah, dan Artuqid.

Profesor Irfan Yildiz dari Dicle University, yang mengetuai operasi penggalian itu berkata pasukannya setiap hari menemukan sesuatu yang memberi kejutan.

Bom tangan dijumpai di kawasan sarjana Islam terkenal Ismail Al-Jazari melakukan kajian saintifiknya, katanya.

Al-Jazari, seorang yang bijak dan

genius dilahirkan pada abad ke-12 dan meninggal dunia pada awal abad ke-13, mencetuskan sains siber dan robotik dengan penemuannya selama berabad-abad dan mempengaruhi sistem moden enjin wap.

Menurut Agensi Anadolu, Yildiz berkata pada 29 Julai lalu peluru milik zaman Uthmaniyyah turut ditemui di bahagian barat laut tembok Amida Mound.

"Setelah dua hari menggali, semua peluru telah dikeluarkan. Difahamkan, peluru itu digunakan pihak Uthmaniyyah dan sekutunya dalam Perang Dunia I," katanya, sambil menambah bom tangan itu berasal dari Uthmaniyyah, British dan Jerman. Beliau berkata pihak polis mengambil bom tangan itu untuk pemeriksaan.

"Setelah pemeriksaan, beberapa

bom yang telah dimatikan akan diserahkan kepada kami dan dipamerkan di muzium, selebihnya akan dimusnahkan," katanya.

Yildiz berkata peluru itu ditanam di dalam dinding tembok batu dan ditutup dengan batu rakit.

"Diyarbakir adalah pusat penting dalam Perang Dunia I, sebagai markas Kor ke-13. Kami berpendapat bahawa senjata yang tidak mahu dihantar selepas Gencatan Senjata Mudros (ditandatangani pada 30 Oktober 1918, susulan Perang Dunia I) ditanam di sini," katanya. - ©BERNAMA

Penerbangan pertama bawa pelarian Afghanistan tiba di Kanada

TRENTON (Kanada), 5 Ogos. - Penerbangan pertama rakyat Afghanistan yang membantu tentera Kanada di negara berkenaan mendarat pada Rabu di Kanada, lapor Agensi Anadolu (AA).

Penerbangan itu adalah yang pertama dan akan ada beberapa penerbangan lagi selepas ini.

"Kami komited untuk membantu rakyat Afghanistan yang menyokong misi Kanada di Afghanistan," menurut kenyataan Jabatan Imigresen, Pelarian dan Kewarganegaraan Kanada (IRCC).

Pelarian ini telah membantu tentera Kanada sepanjang 10 tahun pasukan itu di Afghanistan, ada yang berkhidmat sebagai jurubahasa dan tukang masak. Keluarga mereka turut dibawa ke Kanada.

"Kerajaan berusaha secepat mungkin untuk menempatkan kembali warga Afghanistan yang merisikokan diri mereka ketika menyokong tugas Kanada di Afghanistan.

"Kami berusaha keras untuk mengenal pasti individu yang layak datang ke Kanada di bawah program khas imigresen ini," demikian menurut kenyataan itu.

Kumpulan pelarian itu telah menjalani pemeriksaan keselamatan, saringan COVID-19 dan akan dikuarantin. Maklumat kuarantin dan lokasi tempat tinggal pelarian tidak didedahkan atas faktor keselamatan.

Selain itu, menurut IRCC pertubuhan penempatan akan membantu mencari tempat tinggal tetap, menyediakan latihan bahasa serta berkongsi maklumat diperlukan mengenai kehidupan di Kanada. - ©BERNAMA

Emas maraton lelaki 10 km jadi milik perenang Jerman

TOKYO, 5 Ogos. - Perenang Jerman, Florian Wellbrock, merangkul emas acara renang maraton lelaki dengan catatan masa satu jam 48 minit dan 33.7 saat di Olimpik Tokyo pada Khamis.

Sebelum ini pada Ahad beliau memenangi gangsa dalam acara 1500 meter gaya bebas, lapor Agensi Berita Xinhua.

Sementara itu, Kristof Rasovszky dari Hungary meraih perak, diikuti Gregorio Paltrinieri dari Itali di tempat ketiga. - ©BERNAMA

Virus COVID-19 bukan tersebar dari makmal Wuhan : Pakar Perancis

BEIJING, 4 Ogos. - Pakar Perancis, Gabriel Gras berkata kemungkinan virus COVID-19 berpunca dari makmal Wuhan adalah sifar.

Gras yang terlibat dalam pembinaan dan perakuan makmal P4 Institut Pengajian Virus Wuhan itu yakin tentang keselamatan makmal tersebut dan menolak khabar angin media Barat.

Mengikut laporan, makmal tersebut dibina dengan usaha sama oleh Perancis dan China.

Menurut Gras, pembinaan dan pengoperasian makmal itu mematuhi standard yang amat ketat.

Sementara itu, kos pengoperasian makmal P4 adalah amat tinggi, termasuk daripada segi dana mahupun masa.

Menurut Gras, patogen tahap keselamatan tiga tidak perlu dikendalikan di makmal tahap keselamatan empat; manakala patogen tahap keselamatan dua juga tidak perlu dikendalikan di makmal tahap keselamatan tiga.

Virus korona termasuk COVID-19 tergolong dalam patogen tahap dua atau tiga, bukanlah tahap empat.

Justeru katanya, virus COVID-19 adalah berasal dari alam semula jadi dan bukan "dihasilkan" di makmal, inilah konsensus dalam kalangan saintis pada masa ini.

Gras pernah berkhidmat sebagai pakar teknologi di Kedutaan Perancis di China dan merupakan penyelar pelaksanaan perjanjian kerjasama penyakit berjangkit baharu China-Perancis pada 2004. - ©BERNAMA

China komited sertai kerjasama vaksin global

BEIJING, 6 Ogos. - Presiden Xi Jinping sekali lagi mengulangi bahawa China sentiasa berpegang teguh dengan konsep komuniti berkongsi kesihatan, membekalkan vaksin kepada negara luar khususnya negara membangun, di samping mempergiat kerjasama penghasilan vaksin.

Dalam ucapannya pada persidangan pertama Forum Antarabangsa Kerjasama Vaksin COVID-19 pada Khamis, Xi berkata China juga akan sedaya upaya membantu perjuangan negara membangun melawan wabak.

Pada masa sama, Xi turut menyuarakan harapan agar persidangan kali ini dapat mencapai perkembangan baharu termasuk memastikan agihan

vaksin secara adil dan menambah tenaga penggerak baharu kepada kerjasama dan perpaduan negara membangun.

Menteri Luar China, Wang Yi ketika mempengerusikan persidangan secara maya itu berkata dunia kini masih bergelut dengan penularan pandemik COVID-19.

"Masyarakat antarabangsa harus meningkatkan perpaduan untuk memenangi perjuangan melawan wabak ini," katanya.

Justeru, beliau turut mengemukakan empat cadangan antaranya mengutamakan nyawa dan mempopularkan vaksin ke seluruh dunia, mempertahankan keadilan moral, dan meningkatkan bantuan kepada negara membangun.

Selain itu, Wang menegaskan agar prinsip multilateralisme dijadikan pegangan, keberkesanan kerjasama antarabangsa diperkasakan, serta mempergiat usaha penyelarasan untuk membina pelbagai barisan mencegah wabak.

China akan berusaha untuk membekalkan dua bilion dos vaksin kepada seluruh dunia pada tahun ini, serta menyumbang RMB100 juta (RM65 juta) kepada Pelan Peruntukan Vaksin COVID-19 Global (COVAX) untuk digunakan dalam pengagihan vaksin kepada negara-negara membangun.

Penganjuran forum itu dicadangkan Presiden Xi ketika menghadiri Sidang Kemuncak Kesihatan Global pada Mei lalu. - ©BERNAMA

China, ASEAN bina era kerjasama baharu - Wang Yi

BEIJING, 4 Ogos. - ASEAN sentiasa menjadi keutamaan dalam hubungan luar China, kata Menteri Luar China, Wang Yi ketika menghadiri sidang Menteri Luar ASEAN-China (10+1) yang diadakan secara maya pada Selasa.

Beliau berkata, sejak sidang menteri luar tahun lalu, pemimpin kedua-dua pihak berjaya mengekalkan komunikasi strategik dan memberikan pandangan politik dalam hubungan antara China dengan ASEAN.

Wang menjelaskan, kedua-dua pihak telah mencapai kemajuan baharu dalam kerjasama melawan pandemik COVID-19, sekali gus mencerminkan hubungan erat di rantau ini.

Di samping itu, hubungan kerjasama perdagangan dan

pelaburan antara China dengan ASEAN berkembang baik, sementara kerjasama dalam pembangunan mampan giat diperkasakan.

Pada masa sama, rundingan mengenai Kod Tatalaku di Laut China Selatan (CoC) turut mencapai kemajuan penting.

Katanya, China menganggap ASEAN sebagai rakan utama dalam perjuangan memerangi wabak yang menyaksikan lebih 190 juta dos vaksin COVID-19 disediakan kepada 10 negara anggota ASEAN, serta sumbangan sejumlah besar peralatan memerangi wabak.

Wang berkata, China dan ASEAN telah membina laluan hijau untuk mengekalkan pengedaran barangan serta laluan mudah bagi keluar masuk kakitangan

dalam memelihara keselamatan, kestabilan dan kelancaran rantaian industri serantau serta mengatasi impak wabak.

Jumlah perdagangan antara China dengan ASEAN mencecah USD41 bilion pada setengah tahun pertama tahun ini dan bertambah 38.2 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, sekali gus mengekalkan status ASEAN sebagai rakan dagang terbesar China.

Pada mesyuarat menteri luar kali ini, China menyatakan kesediaan untuk terus mempergiat kerjasama memerangi wabak, berusaha gigih memulihkan ekonomi, memperkukuh rangka kerjasama serantau sedia ada, dan memelihara kedamaian serta kestabilan di Laut China Selatan. - ©BERNAMA

Greece diancam kebakaran hutan akibat gelombang haba

ATHENS, 4 Ogos. - Greece mengalami cuaca panas melampau akibat gelombang haba terburuk melanda negara ini dalam tempoh 40 tahun, kata Timbalan Menteri Perlindungan Awam dan Pengurusan Krisis, Nikos Hardalias pada Selasa.

Sebanyak 81 kebakaran hutan dilaporkan dalam tempoh 24 jam, dan 40 kebakaran aktif di seluruh negara, lapor Xinhua memetik media tempatan ERT.

"Kebakaran paling berbahaya adalah di utara Athens, di kaki Gunung Parnitha yang mengancam kawasan penempatan.

"Penduduk di kawasan berhampiran perlu mengambil langkah berjaga-jaga. Kami

sedang berusaha menyelamatkan nyawa manusia, meminimalkan kerosakan, memadamkan api dan melindungi alam sekitar," tambah Hardalias.

Cuaca panas melampau hingga 45 darjah Celsius, beserta angin kencang mencecah skala enam dan tahap kelembapan yang rendah menjadikan tugas mengawal kebakaran semakin sukar.

Anggota tentera, polis, sukarelawan, dan ahli jawatankuasa bandar turut membantu anggota bomba dalam operasi kali ini.

Sementara itu, 315 orang telah dipindahkan ke kawasan selamat, kata Hardalias.

Menurut Agensi Berita AMNA, enam orang dan seorang anggota

bomba dikejarkan ke hospital akibat masalah pernafasan.

Hotel-hotel di ibu negara Athens turut menyediakan bilik untuk menempatkan ribuan mangsa yang terjejas.

Perkhidmatan kereta api pinggir bandar antara Athens dan Thessaloniki turut dihentikan akibat kejadian itu, menurut syarikat kereta api tempatan TrainOSE dalam satu kenyataan sebelum ini.

Greece sering diancam kebakaran setiap kali musim panas melanda. Pada 2018, seramai 102 terkorban di pusat peranginan Mati berdekatan Athens akibat kebakaran hutan paling teruk pernah dicatat dalam sejarah negara ini. - ©BERNAMA

UNDIAN RASMI PIALA AFF SUZUKI 2020 DITANGGUHKAN

■ **Siaran Akhbar : Persekutuan Bola Sepak ASEAN**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ogos. - Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) ingin memaklumkan bahawa Majlis Undian Rasmi Piala AFF Suzuki 2020 adalah ditunda. Tarikh baharu bagi undian tersebut akan diumumkan kemudian.

Undian rasmi pada awalnya dirancang berlangsung di Singapura, sebelum Singapura kembali ke langkah-langkah kesihatan awam yang lebih ketat di bawah Fasa 2 (Kewaspadaan Dipertingkat).

Dengan beberapa acara penting di negara ini ditunda akibat daripada sekatan dipertingkatkan, AFF, sebagai penganjur acara bertanggungjawab, telah memutuskan untuk menjadualkan

semula Majlis Undian Rasmi Piala AFF Suzuki juga.

Presiden AFF, Mejar Jeneral Khiev Sameth, mengongsikan, "Singapura melakukan pekerjaan yang sangat baik dalam menguruskan wabak yang sedang berlaku. Kami memahami bahawa sekatan itu dibuat untuk menjaga keselamatan masyarakat Singapura dan ini adalah sangat penting. Sejajar dengan ini, kami telah membuat keputusan mempertimbangkan untuk menangguhkan Undian Rasmi tersebut.

"Kami yakin bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Singapura, akan memungkinkan kami untuk mengadakan undian dengan lebih banyak pihak berkepentingan

yang terlibat di kemudian hari. Sehubungan itu, kami akan terus memantau perkembangan wabak dan mengambil tindakan yang diperlukan demi menjaga semua pihak yang berkepentingan," jelasnya lagi.

Pengarah Urusan, Asia Tenggara di SPORTFIVE, Malcolm Thorpe berkata, "Kami memahami dan menyokong keputusan AFF untuk menangguhkan undian. Untuk AFF dan bagi kami, kesihatan dan keselamatan semua orang yang berkaitan dengan acara akan sentiasa menjadi keutamaan".

AFF Suzuki Cup 2020 dijadualkan berlangsung antara 5 Disember 2021 hingga 1 Januari 2022. Maklumat lanjut mengenai acara ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Kasuka & Ar Rawda menang besar

■ **Oleh : Haniza Abdul Latif**
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Pasukan Kasuka & Ar Rawda menambah koleksi kemenangan selepas menang bergaya ke atas Syahkampong FT dengan jaringan 11 - 1 dalam Kumpulan 'B' bagi saingan Liga Futsal Brunei 2021 (BFL 2021), yang berlangsung di Dewan Gerak Badan, Bolkiah Garison, di sini.

Kasuka & Ar Rawda memulakan perlawanan dengan langkah kanan apabila berjaya menjaringkan gol pertama menerusi Mohammad Nor Azizam bin Roslan dan selang satu minit kemudian, Awangku Muhammad Naqib bin Pengiran Timbang menggandakan jaringan buat Kasuka & Ar Rawda, sekali gus mendahului perlawanan dengan jaringan 2 - 0.

Benteng pertahanan Syahkampong FT digempur sekali

lagi apabila Ahmad 'Afif As'ad bin Haji Ali menjaringkan gol ketiga buat Kasuka & Ar Rawda dan tidak lama selepas itu, Awangku Muhammad Naqib sekali lagi membolos gawang Syahkampong FT untuk mendahului dengan selesa, 4 - 0.

Pada minit ke-13, Awang Muhammad Naqib berjaya mencatat hatrik, sekali gus menjadikan kedudukan 5 - 0.

Kasuka & Ar Rawda terus mengukuhkan kedudukan selang beberapa minit kemudian menerusi jaringan sendiri oleh pemain Syahkampong FT, Md. Nurul Qayyum bin Morsidi ke gawang sendiri pada minit ke-19.

Kasuka & Ar Rawda terus menggegar gawang Syahkampong FT menerusi jaringan Ahmad 'Afif As'ad, pada minit ke-26 untuk terus mengungguli perlawanan dengan jaringan 7 - 0.

Pada minit ke-28 dan ke-30, Kasuka & Ar Rawda terus berada di depan apabila Mohammad Hazlantul Khairul Zaman menjaringkan dua gol, sekali gus menjadikan kedudukan 9 - 0.

Usaha dan semangat para pemain Syahkampong FT akhirnya membuahkan hasil dan berjaya menjaringkan gol tunggal perlawanan menerusi jaringan Abd. Faiz bin Zaini, pada minit ke-32.

Namun, semangat juang para pemain Kasuka & Ar Rawda tidak terhenti setakat di situ apabila Muhammad Nur Bazli bin Awang Basar dan Adde Ismawi bin Gudang, masing-masing menjaringkan gol pada minit ke-38 dan ke-39 untuk menjadikan kedudukan 11 - 1 hingga pengadil menamatkan perlawanan, seterusnya memberikan kemenangan mutlak kepada Kasuka & Ar Rawda.



ANTARA aksi Kasuka & Ar Rawda dan Syahkampong FT.

PANTAS Charity Drive kumpul dana untuk Palestin



YANG Dipertua PANTAS, Pengiran Shahminan bin Pengiran Haji Abdul Rahim menyampaikan hadiah kepada pemenang pada PANTAS Charity Drive 2021.

■ **Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
Foto : Ihsan Persatuan Paintball Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

JERUDONG, Rabu, 4 Ogos. - Persatuan Paintball Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PANTAS), baru-baru ini, menganjurkan PANTAS Charity Drive 2021, bertempat di Paintball Arena Jerudong (PAJ).

PANTAS Charity Drive 2021 menampilkan perlawanan 5 lawan 5 sepasukan yang disertai oleh sebanyak 11 pasukan yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin.

Muncul johan pada PANTAS Charity Drive 2021 tersebut adalah pasukan Chaos Bandits setelah berjaya menewaskan pasukan Ignite dengan format perlawanan *race to two* selama enam minit dengan hanya menggunakan dua *pods* dan satu *loader*.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Yang Dipertua PANTAS, Pengiran Shahminan bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Perlawanan dibukakan kepada semua pemain *paintball* di Negara Brunei Darussalam yang bertujuan untuk menguji tahap kemahiran berkomunikasi, merancang strategi, taktik dan pergerakan secara berpasukan.

Selain itu, ia dapat mengeratkan silaturahmi di antara semua pemain *paintball* di negara ini, sekali gus memperkembangkan lagi sukan *paintball* di negara ini.

Kejohanan turut disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan PAJ.

3 PML menang tipis

■ **Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim**

TUTONG, Rabu, 4 Ogos. - Pasukan 3 PML menang 1 - 0 setelah menewaskan pasukan Azmainshah FC pada perlawanan Liga Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA), yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Gol tunggal 3 PML berjaya disumbangkan oleh Abg. Muhd. Fakri pada minit ke-40 setelah pemain Azmainshah FC gagal menjaringkan sebarang gol penyamaan, walaupun beberapa kali percubaan menjaringkan gol dibuat, namun berjaya ditangkis oleh pihak lawan.

Perlawanan berakhir 1 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.



3 PML menang 1 - 0 setelah menewaskan Azmainshah FC pada perlawanan Liga Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA).

Sukan

INFO SUKAN

DODGEBALL adalah satu permainan, di mana pemain berusaha untuk mematikan pemain pihak lawan dengan menggunakan bola yang ada pada mereka dan pada masa yang sama mengelak daripada terkena bola yang dibaling oleh pihak lawan. Di Amerika Syarikat, permainan ini biasanya dimainkan oleh kanak-kanak sekolah rendah, berusia dalam lingkungan 6 hingga 12 tahun.



ePaper Pelita Brunei

LCB RANGKUL KEJUARAAN KEJOHANAN BOLA SEPAK UBD 2021 ANTARA IPT



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa menyampaikan hadiah kepada juara Kejuaraan Bola Sepak UBD 2021 Antara IPT, iaitu pasukan Laksamana College of Business (LCB).

BERAKAS, Rabu, 4 Ogos. - Pasukan Laksamana College of Business (LCB) muncul juara bagi Kejuaraan Bola Sepak

Universiti Brunei Darussalam (UBD) 2021 Antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) selepas menumpaskan pasukan UBD

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

dengan jaringan 2 - 0, pada perlawanan akhir, yang berlangsung di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, di sini.

Sepuluh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun nasib lebih berpihak kepada pasukan LCB setelah Md. Nazhan bin Zulkiflie berjaya menjaringkan gol pertama pada minit ke-23 dan kedudukan 1 - 0 kekal hingga separuh masa pertama berakhir.

Sepuluh masa kedua perlawanan pula menyaksikan LCB berjaya mengawal permainan, seterusnya menggandakan jaringan menerusi Md. Kasyfi Shafi'e bin Abdul Ade Rosli menerusi sepakan jarak jauh, pada minit ke-55 yang menewaskan penjaga gol UBD, untuk menjadikan kedudukan 2 - 0 hingga wisel penamat dibunyikan.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada

para pemain, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Kejuaraan, antara lain bertujuan sebagai suatu platform bagi para mahasiswa, khususnya pemain untuk bersaing secara sihat dan dapat mendisiplinkan diri sebagai satu pasukan yang mantap melalui bola sepak juga mahasiswa, khususnya pemain dapat mengeratkan silaturahim di antara para mahasiswa dari IPT lain.

Selain itu, ia bertujuan untuk mengenal pasti pemain-pemain yang berpotensi bagi mewakili pasukan bola sepak IPT dalam kejuaraan yang akan datang, sekali gus diserap sebagai pemain kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



ANTARA aksi pada kejuaraan di antara LCB dan UBD tersebut.

Peluang sertai Virtual Run Hari Guru Ke-31

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum sukacita ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jabatan Pendidikan Kokurikulum akan menganjurkan Virtual Run sempena Hari Guru Ke-31 (VRHG31) bagi Tahun 2021.

Acara tersebut dibukakan kepada guru-guru, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga orang ramai yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah berumur 18 tahun ke atas.

Pendaftaran bagi mengikuti acara tersebut, iaitu secara dalam talian dibukakan mulai 1 Ogos 2021 hingga 10 Ogos 2021. Bagi awda yang hendak mendapatkan maklumat lanjut dan keterangan borang penyertaan, bolehlah berbuat demikian, iaitu dengan mengakses pautan yang disediakan, iaitu <https://bit.ly/RegVRHG31>.

DIANJURKAN OLEH :

جايان قديميڤن كوكريكلوم
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
HARI GURU

Virtual Run

SEMPENA HARI GURU KE-31 TAHUN 2021

"PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR"

BND 25

30KM FINISHER

30 KM FINISHER'S TEE & TOWEL

BND 28

55KM FINISHER

55 KM FINISHER'S TEE, HAND TOWEL & MEDAL

BND 30

100KM FINISHER

100 KM FINISHER'S TEE, HAND TOWEL, MEDAL & TOTE BAG

MAKLUMAT & PENDAFTARAN

<https://bit.ly/RegVRHG31>

TARIKH PENDAFTARAN

1-10 OGOS 2021

TARIKH PEMBAYARAN

12, 14 & 16 OGOS 2021

TARIKH MENGAMBIL BAJU & MERCHANDISE

7, 8 & 9 OKTOBER 2021

Info.dcoe@moe.gov.bn | Department of Co-Curricular Education Brunei | InfoDCEE.bn | +673 233 3061/43/53/54 | moe.gov.bn

Tahukah Awda

CAWANGAN Belia mula ditubuhkan dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1964. Sepuluh tahun kemudian, pada tahun 1974, jabatan ini ditukar menjadi Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan. Pada tahun 1993, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan telah menjadi Jabatan Belia dan Sukan. Bahagian Kebajikan Masyarakat di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dicantumkan dengan Bahagian Hal Ehwal Masyarakat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjadi Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam Kementerian ini terdapat juga Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, di bawah bidang kuasa Jabatan Muzium Brunei yang menyediakan latihan kemahiran pertukangan tradisional kepada belia-belia. Pada tahun 1996 Outward Bound Brunei Darussalam dan Pusat Pembangunan Belia ditubuhkan.

Sumber : Laman Sesawang Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan <http://www.belia-sukan.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HIJRAH TIDAK AKAN TERHENTI HINGGA TERTUTUPNYA PELUANG TAUBAT

دتریبتهن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نڠارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam